



PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 3905]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 3939]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3940]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling [Ruangan 3940]

Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) [Ruangan 3993]

Rang Undang-undang Parlimen (Saraan Ahli) (Pindaan) [Ruangan 4011]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Khamis, 6hb Disember, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P. Datuk Bendahara Perak.
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Kelang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Penerangan, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Penyelarasan Kampung-kampung Baru, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Johor Bahru Barat).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, K.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SBRI (Johor Timur).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN, A.M.P. (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timur).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang-Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

- Yang Berhormat DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah)
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.D.K., A.S.D.K. (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, S.M.S., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datok).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru Timur).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTAHN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Tak Berporfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

- Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, Y. M. TENGGU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATUK HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ DATUK MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN YEH PAO TZU (Tawau).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Ng Cheng Kuai.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

BENTARA MESYUARAT

Mejar Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

HARGA TEPUNG GANDUM

1. Tuan Loh Jee Mee (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah pekedai-pekedai tepung gandum tidak dapat memperoleh bekalan biasa tepung gandum mereka dengan harga yang dikawal oleh Kerajaan dan nyatakan apakah tindakan-tindakan Kerajaan telah atau sedang ambil untuk memperbaiki keadaan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa harga tepung gandum yang dikawal oleh Kerajaan sebagai yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah ditentukan hanya di peringkat borong dan runcit sahaja. Di dalam menentukan harga-harga itu Kerajaan telah juga memperhitungkan kadar keuntungan yang sepatutnya di tiap-tiap lapisan pengedaran termasuk pemborong dan juga peruncit memperolehinya. Walau bagaimanapun, oleh kerana masalah pengangkutan, peruncit-peruncit mungkin dikenakan bayaran yang lebih sedikit daripada biasa.

Untuk menentukan bahawa pemborong-pemborong tepung gandum tidak mengenakan harga yang berlebihan kepada peruncit-peruncit. Kementerian saya telahpun mengambil langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah tersebut. Semua pengilang-pengilang tepung gandum telah diarah supaya memberi amaran kepada pemborong-pemborong mereka supaya tidak menjual tepung gandum dengan harga yang berlebihan dan membekalkan kepada peruncit jumlah bekalan yang biasa. Sekiranya pemborong-pemborong itu tidak mematuhi arahan tersebut, pengilang-pengilang itu telah diarah memutuskan bekalan kepada mereka dan menyalurkan bekalan tepung gandum itu terus kepada peruncit-peruncit. Di samping itu pengilang-pengilang telah juga memberi jaminan kepada Kerajaan bahawa mereka

sanggup membekalkan peruncit-peruncit tersebut sekiranya mereka mengalami kesukaran mendapatkan bekalan tepung gandum dan pada harga yang berpatutan. Peruncit-peruncit itu boleh juga menghubungi pengilang-pengilang secara berkumpul dan membuat belian untuk mendapatkan bekalan tersebut daripada kilang itu.

Tambahan lagi dalam usaha Kerajaan supaya peruncit-peruncit mendapatkan bekalan pada harga yang berpatutan, penyaluran tepung gandum juga telah dibuat melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, atau badan-badan perniagaannya. Peruncit-peruncit yang sukar mendapatkan bekalan pada harga yang berpatutan, bolehlah mendapatkan bekalan mereka daripada syarikat-syarikat perdagangan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri berkenaan.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar bahawa pekedai-pekedai tepung gandum tidak dapat memperoleh bekalan biasa tepung gandum mereka, kerana badan-badan Kerajaan seperti perniagaan S.E.D.C. dan lain-lain perbadanan membeli lebih banyak tepung gandum daripada apa yang mereka telah pesan atau order?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya tidak benar kalau dikatakan bahawa pekedai-pekedai tidak boleh memperoleh tepung gandum, tetapi di mana perkara itu terjadi dan apabila didapati bahawa pemborong-pemborong yang berkenaan membeli lebih daripada yang dikehendaki dan menyimpan keluaran itu, maka pihak pengilang telah bersetuju untuk menyalurkan tepung gandum itu terus kepada peruncit-peruncit berasaskan kepada merit of the case ataupun demerit of the case, kalau terjadi.

Tuan Loh Jee Mee: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah kenaikan harga tepung gandum dari 20 sen dalam bulan Mei kepada 30 sen dalam bulan ini menunjukkan bahawa ada kekurangan tepung walaupun pengilang-pengilang tepung telah memberi jaminan bahawa mereka mempunyai tepung yang cukup?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga tepung gandum yang telah dikenakan pada bulan Mei seperti yang

disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak ada kena-mengena dengan kekurangan malahan berasaskan kepada pengiraan kos.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian yang berkenaan ini sedar bahawa ada di antara setengah-setengah pengilang tepung gandum ini membekal lewat kepada pemborong-pemborong kita dalam masa yang tertentu hingga menjadikan kegelisahan kepada pengguna-pengguna. Apakah tindakan Kementerian dalam masalah ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada kejadian-kejadian itu tiba ke pengetahuan Kementerian, maka tindakan segera telahpun dan akan diambil sekiranya kita diberitahu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian ini bercadang pada satu masa yang akan datang bahawa hendaklah diadakan wakil tunggal mendapatkan gandum ini daripada pengilang-pengilang seperti kita berikan kepada PERNAS supaya dari PERNAS itulah boleh membekalkan kepada pemborong-pemborong kita di seluruh tanahair.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sistem yang dijalankan oleh pengeluar-pengeluar industri gandum sangat memuaskan hati.

KERTAS—KEKURANGAN DI SELURUH DUNIA

2. **Tuan Chan Yoon Onn** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan memandang kepada kekurangan kertas di seluruh dunia pada masa sekarang, bolehkah beliau menimbang untuk membuka kilang-kilang kertas di negara ini untuk kegunaan tempatan dan juga untuk eksport terutama sekali dengan sebab bahan-bahan mentah yang diperlukan untuk menghasilkan kertas seperti kayu, serabut tebu dan lain-lain boleh diperolehi dengan banyak dalam Malaysia.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, dasar Kerajaan dalam industri kertas ialah berasaskan konsep integrated. Kerajaan, melalui Fertilizer and Paper Industrial Cooperatives dan jabatan Hutan telahpun

mengadakan kajian teknikal dan lain-lain kajian yang bersangkutan untuk menjamin bahawa industri kertas yang integrated, jika ditubuhkan, tidak merosakkan keperluan ekonomi negara ini khasnya dari segi harga kepada pengguna-pengguna. Kajian-kajian mengenai kemungkinan pasaran dan kewangan projek tersebut telahpun dibuat dan Jabatan Hutan telahpun mengadakan satu penyilidikan ke atas kertas kayu tempatan dan mengadakan penanaman percubaan untuk pokok pine di Malaysia. Kajian-kajian ini adalah diteruskan dan diharapkan dapat memberikan hasil yang boleh dijadikan panduan dasar industri kertas di negara ini.

Patutlah dinyatakan di sini bahawa untuk menubuhkan satu projek kertas yang integrated yang melibatkan pelaburan yang besar adalah begitu sukar dan kompleks terutama sekali memandangkan beberapa faktor berikut:

- (a) Keadaan pasaran di Malaysia yang bercorak tradisional telah biasa menggunakan kertas yang tinggi mutunya pada harga yang rendah. Dengan itu keluaran tempatan patutlah mempunyai mutu yang tinggi tanpa melibatkan kenaikan di dalam harga.
- (b) Kesediaan bekalan bahan-bahan mentah adalah sangat penting di mana mutu kertas yang dikeluarkan sebahagian besarnya adalah daripada bahan-bahan mentah yang terdiri daripada "fibred pine pulp" dan beberapa campuran "short fibred pulp".

Bahan-bahan mentah yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah terdapat di Malaysia tetapi bahan-bahan itu adalah termasuk di dalam kategori "short fibred pulp" dan tidak boleh digunakan seluruhnya untuk pengeluaran kertas yang bermutu dan pada harga yang terdapat di dalam pasaran tempatan. Dengan demikian satu kajian terpaksa dibuat terutamanya berhubung dengan penggunaan "fibres" tempatan untuk mengeluarkan kertas yang bermutu tinggi pada harga yang setanding.

- (c) Batasan-batasan teknologi berhubung dengan penggunaan "local mixed tropical hardwoods" sebagai satu asas bahan mentah untuk mengeluarkan kertas pulp.

Baharu-baharu ini Kerajaan telahpun menubuhkan satu pasukan petugas untuk mengkaji segala aspek berhubung dengan industri kertas di Malaysia. Pasukan petugas ini telahpun menyiapkan penyelidikannya dan akan membuat perakuan-perakuan kepada Kerajaan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa dengan keadaan kekurangan kertas dan bertambah mahalnya harga kertas, maka beberapa pencetakan telah naik. Antara yang naik ialah surat-khabar dan juga pengeluaran yang terbaharu akan datang ialah buku-buku sekolah. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan untuk memberi sedikit kelonggaran atau sedikit bantuan supaya perkara-perkara yang tersebut seperti surat-khabar yang dibaca oleh sebahagian rakyat umum dan juga buku-buku teks ini dikecualikan atau ditimbangkan untuk ditetapkan harga biasa?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal harga buku-buku dan sebagainya telahpun dijawab dahulu dan tidak ada kena-mena dengan soal yang dibincangkan sekarang.

Tuan Chan Yoon Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah jenis kertas yang dibuat di Malaysia sekarang ini?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kertas yang dibuat di Malaysia sekarang.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa Jepun dahulu kita pun kekurangan kertas tetapi pada masa itu orang boleh membuat kertas dengan menggunakan daun nenas yang panjang (long fibred pineapple). Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kita sekarang di Malaysia mempunyai sebuah kilang membuat kertas dengan menggunakan daun nenas.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti terkandung dalam jawapan saya tadi semua soal berkenaan dengan industri kertas sedang dikaji dengan aktifnya samada daun nenas itu sesuai atau tidak akan termasuk dalam kajian ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan masalah ini Kerajaan kita ada mempunyai sebuah jabatan yang dipanggil "Scientific Research Centre". Saya hendak bertanya adakah lapuran berkenaan dengan masalah menggunakan daun nenas untuk membuat kertas sudah diberi ataupun tidak kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Datuk Musa Hitam: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya hendak tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerima satu lapuran dari, entah apa Kementerian saya pun tak tahu, tetapi ada sebuah Kementerian yang dipanggil "Scientific Research Centre" berkenaan dengan masalah daun nenas untuk dibuat kertas.

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu nampaknya tidak begitu tentu hala, tidak tahu apa yang dicakapkan, siapa asal-usulnya, jadi susahlah saya hendak menjawabnya, tetapi kalau ada pun lapuran itu di dalam kalangan Kerajaan saya percaya lapuran inipun termasuk dalam kajian juga.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baikpun kertas dibuat daripada daun nenas ataupun daripada daun pisang, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu samada betul ataupun tidak iaitu tidak ada siapa yang lain boleh membuat kilang kertas ini melainkan syarikat kerjasama. Kalau betul bilakah syarikat kerjasama ini akan mula membuat kertas?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, jawapan ini telahpun terkandung di dalam jawapan asal yang saya berikan tadi dan nama syarikat yang berkenaan pun telah saya sebutkan. Kalau dikaji semula lagi jawapan saya tadi barangkali Ahli Yang Berhormat ini akan dapat faham.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian tadi di Malaysia belum ada lagi kilang kertas yang mengeluarkan kertas, tetapi dalam masa pergi-balik ke

Ipoh berulang ke Parlimen, saya ada nampak sebuah kilang kertas dekat dengan Rasa, di sebelah Rawang, tidak adakah kilang itu mengeluarkan kertas lagi? Besar tulisannya—"KILANG KERTAS".

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya tidak ada kilang kertas, tetapi kertas ini macam-macam kertas. Jadi kalau Ahli Yang Berhormat boleh beritahu saya butir-butir lanjut berkenaan dengan kertas ini, saya akan siasat samada satu kilang kertas sudah ada dalam negeri ini. Seperti mana yang saya sebutkan tadi integrated terutamanya sekali, tetapi yang kecil-kecil itu saya tak tahulah.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, yang saya faham ini kilang kertas, integratedkah atau bukan integrated saya tidak faham. Bila dia tulis di sana "KILANG KERTAS" maksud saya kertas membuat buku, kertas membuat suratkhobar, kertas pembungkus kuih-kuih dan lain-lain lagi. Jadi, untuk saya hendak menyiasat itu maafkanlah saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak upaya.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi jaminan bahawa saya pun ada nampak kilang itu. Saya menyokong Ahli Yang Berhormat di sebelah saya ini (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Nampak sahaja, tetapi adakah Yang Berhormat masuk ke dalam kilang itu dan ambil tahu apa yang dibuat oleh mereka itu?

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dapat kuasa melawat lagi sebab apabila saya melawat kilang di Ipoh, saya tidak boleh melawat lagi. Dia tahu orang ini jahat, selalu mengemukakan gaji buruh dalam Parlimen. Tiba sahaja di pintu, pegawai securicor tahan, tambahan pula di Selangor ini bukan Negeri saya, dan saya tidak ada kuasa. Kalau Yang Berhormat Menteri sudi apabila kiranya memberi kuasa kepada saya, *insya Allah* sambil balik saya akan singgah (*Ketawa*).

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya kehendaki satu sahaja. Tolonglah beritahu dengan tepatnya di mana kilang yang disebutkan itu. Kita akan siasat bersama-sama, bukan kita hendak mengelak-

kan kedudukan ini. Setahu saya tidak ada kilang kertas dengan erti kata yang difaham oleh kami.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, kilang itu tiga batu dari sebuah pekan. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, itu soalan Ahli yang lain. Ahli Yang Berhormat sila duduk!

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak apa. Dia beri saya bawa soalan itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Lim Kit Siang: Satu kesukaran untuk menubuhkan satu industri kertas yang integrated di Malaysia ialah pemasaran. Bolehkah Kerajaan timbangkan bagi mengemukakan projek itu kepada negara-negara ASEAN untuk mengadopt projek itu sebagai suatu regional project, ASEAN project bagi mengatasi masalah itu. Bolehkah Kerajaan timbangkan atas perkara itu?

Datuk Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soal itu pun sedang dikaji oleh Pasukan Petugas yang saya sebutkan tadi daripada keseluruhannya termasuklah berkaitan dengan apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

BANK PERDAGANGAN—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA

3. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** bertanya kepada Menteri Kewangan samada Kerajaan akan mengemukakan undang-undang untuk memaksa bank perdagangan memberi pinjaman-pinjaman kepada Bumiputra dengan kadar bunga yang rendah.

Timbalan Menteri Kewangan (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, kadar bunga yang dikenakan oleh bank-bank ke atas pinjaman-pinjaman bergantung pada beberapa faktor, seperti samada projek-projek yang hendak dijalankan itu boleh berhasil atau tidak kedudukan kewangan peminjam-peminjam dan kebolehan mereka dari segi pengurusan. Oleh itu terpulanglah kepada bank-bank yang berkenaan untuk menetapkan kadar bunga ke atas satu-satu jenis pinjaman, bergantung kepada faktor-faktor yang disebutkan tadi. Dengan

hal yang demikian, Kerajaan tidaklah perlu campur tangan dalam hal menetapkan kadar bunga ini.

Kerajaan sedar, bahawa tidak ramai bumiputra yang meminjam kerana mereka ini masih lagi baru dalam lapangan perniagaan dan belum lagi mempunyai keahlian-keahlian tertentu yang perlu bagi menjalankan usah-usaha perniagaan. Tambahan pula, disebabkan bidang perniagaan adalah penuh dengan persaingan maka mereka terpaksa menghadapi persaingan yang hebat sebagaimana juga dengan mana-mana usaha perniagaan yang baru.

Walaupun demikian bagi menggalakkan penyertaan yang lebih daripada bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perindustrian, Bank Negara dari semasa ke semasa mengkaji cara-cara menambahkan lagi bilangan dan jumlah pinjaman kepada bumiputra daripada bank-bank. Misalnya Bank Negara telah menggesa bank-bank menubuhkan yunit-yunit khas dan melantik pegawai-pegawai yang tertentu yang bertugas hanya untuk mengurus pinjaman kepada Bumiputra. Pegawai-pegawai ini dikehendaki menentukan projek-projek yang layak bagi penyertaan Bumiputra dan yang boleh dibiayai oleh pinjaman-pinjaman daripada bank-bank. Mereka dikehendaki juga berhubung rapat dengan peniaga-peniaga Bumiputra. Rancangan ini telah pun dilaksanakan oleh bank-bank walaupun sambutannya setakat ini belum begitu memuaskan.

Di bawah sekim jaminan kredit, bank-bank perdagangan digalakkan memberi pinjaman-pinjaman kepada perusahaan-perusahaan dan peniaga-peniaga kecil termasuk bumiputra. Pinjaman-pinjaman akan dijamin oleh Syarikat Jaminan Keredit yang mengenakan kadar bunga 1% lebih daripada kadar pinjaman minima. Pada masa ini, kadar bunga bagi pinjaman di bawah sekim ini ialah 9% setahun iaitu satu kadar yang boleh dikatakan agak rendah.

Tuan Ng Hoe Hun: Berkenaan dengan orang bumiputra yang hendak berniaga dan boleh mengambil pinjaman duit-duit di bank itu, apakah bunga yang rendah di bawah sekali yang mereka boleh dapat?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi. Kalau boleh, sila lihat keluaran *Hansard* esok.

LEMBAGA KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA—PINJAMAN

4. Tuan Haji Shafie bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan, selain daripada Hotel Merlin, syarikat-syarikat yang telah diberi pinjaman oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sehingga sekarang.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, urusan niaga pinjaman antara Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan peminjam-peminjamnya adalah perkara yang sulit dan saya percaya Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa keadaan ini patut dihormati.

Walaupun begitu, saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada pinjaman-pinjaman baharu yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat swasta pada tahun-tahun yang kebelakangan ini, dan saya tahu bahawa Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sekarang ini menjalankan dasar yang sungguh konservatif mengenai pinjaman ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Lembaga ini memberi pinjaman kepada swasta-swasta bumiputra untuk membesar dan meluaskan perniagaannya?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah disebutkan bahawa dari segi Lembaga Wang Simpanan Pekerja-pekerja ini sebagai suatu badan yang menjaga kepentingan mereka (kaum pekerja) bahawa segala kewangan yang dikumpulkan itu mestilah dijaga dengan baik dan kalau pun ada pelaburan daripada wang itu, maka pulangan daripada pelaburan itu mestilah sebaik-baiknya supaya keadaan wang pekerja-pekerja ini dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa untuk masa sekarang ini Lembaga menjalankan satu dasar yang sungguh konservatif untuk menjaga benar-benar kepentingan wang pekerja-pekerja itu.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan. Adakah satu Jawatankuasa di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ini yang memberi pinjaman kepada swasta itu yang meluluskannya satu Jawatankuasa dilantik?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Ini adalah tugas Lembaga, tentu segala sesuatunya ditadbirkan mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Tuan Valentine Cotter: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan pernah berhubung dengan bank-bank perdagangan itu berkenaan memberi pinjaman kepada orang-orang bumiputra dengan kadar bunga yang rendah, oleh sebab semua rakyat khususnya bumiputra sekarang berkehendakkan wang untuk memulakan perniagaan mereka, dan apa yang penting sekali ialah wang, kerana wang negara maju.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sampai chapter nombor 4, tetapi Ahli Yang Berhormat itu masih ada dalam chapter nombor 3. Saya fikir

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah dijawab kalau begitu.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Ya. Hanya makluman sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

DEMAM DENGGI—UBAT MENCEGAH

5. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementerian beliau bercadang hendak menyembur ubat mencegah demam denggi di seluruh negeri Sabah untuk mengelakkan rakyat daripada mengidap penyakit demam denggi walaupun belum terdapat lagi kejadian penyakit tersebut di Sabah.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Menyembur ubat serangga di seluruh Sabah dianggap tidak perlu pada masa ini. Apa yang dibuat sekarang ialah menghapuskan sarang-sarang nyamuk dan tempat-tempat yang boleh menjadi sarang-sarang nyamuk pembawa demam denggi dengan cara memperbaiki kebersihan sekeliling di kawasan-kawasan yang mana boleh terjadi wabak penyakit ini. Ini dijalankan dengan kerjasama pihak-pihak yang berkuasa tempatan dan dengan cara memberi nasihat kepada orang ramai melalui sebaran am.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita sedar bahawa Kementerian ini kurang alat-alat penyembur yang menyebabkan sakit demam denggi ini dengan keadaan ini diambil tindakan oleh setengah-setengah Kerajaan Negeri. Adakah Kementerian ini akan bercadang bahawa barang-barang, alat-alat yang dibeli itu akan dibayar balik kepada Kerajaan Negeri itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal penyakit demam denggi hemorijis di Semenanjung Malaysia ialah:

- (i) Kes-kes yang disyaki menghadapi penyakit demam denggi hemorijis yang dimasuki di hospita-hospital untuk dirawat;
- (ii) Kempen-kempen gotong-royong dijalankan di bandar atau di kampung yang terlibat;
- (iii) Angka rumah yang telah disemur dengan ubat nyamuk menerusi swing fogging ialah berjumlah 40,348;
- (iv) Angka-angka, risalah-risalah mengenai cara menjauhkan penyakit demam denggi ialah 39,350.

Jumlah perbelanjaan untuk membeli alat-alat (swing fogg), ubat nyamuk dan sebagainya untuk kempen mengawal demam denggi hemorijis ini ialah berjumlah \$139,189.65. Jadi soalan berkenaan adakah Kementerian saya akan membayar balik wang kepada Negeri yang berkenaan khususnya Negeri Johor. Ini satu derma dan bekerjasama antara Negeri-negeri dan juga Kerajaan Pusat, jadi fikiran saya tidak payahlah membayar balik kepada Negeri tersebut.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Adakah benar bahawa Kementerian ini masih kekurangan ubat mencegah demam ini dengan sebab itu, kematian kita berjumlah tidak kurang daripada 36 orang? Apakah ikhtiar Kerajaan untuk mendapatkan ubat yang lebih banyak untuk diedarkan ke seluruh Malaysia ini?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini bukan berhubung dengan ubat, soalan ini ialah berkenaan

membersihkan kawasan-kawasan sekeliling dan juga Kementerian saya telah mengadakan rancangan-rancangan supaya memberi pelajaran kepada orang kita bekerjasama untuk menjaga kebersihan kawasan sekeliling dan juga jangan membuang sampah dalam longkang dan sebagainya. Ini terpaksa rakyat kita bekerjasama, bukan disebabkan kekurangan ubat.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, jawapan daripada Menteri Kesihatan mengenai demam denggi di dalam Malaysia adakah oleh kerana tidak ada kebersihan atau oleh kerana sebab-sebab lain?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, satu daripada penyakit ini ialah disebabkan kawasan yang tidak bersih, dan dengan itu boleh menyebabkan satu kawasan wabak penyakit. Ianya boleh terjadi begitu. Kita terpaksa bekerjasama antara rakyat dengan Pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan V. David: Apabila kawasan itu tidak bersih, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan. Apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk membersihkan kawasan-kawasan itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham apakah yang saya sebutkan tadi, saya sebutkan bahawa kebersihan kawasan-kawasan sekeliling, jadi tiap-tiap ketua rumahnya adalah tanggungjawab kepada kawasan itu sendiri, Kerajaan cuma boleh membantu dan menghapuskan penyakit-penyakit.

Tuan V. David: Ada seramai 100 orang di seluruh tanahair kita yang telah meninggal disebabkan demam denggi, juga sampai sekarang boleh dikatakan new village di tiap-tiap tempat ada air yang tidak bersih, longkang tidak pernah dicuci dan disapu. Ini siapa yang tanggung? Kementerian Kesihatankah atau lain-lain badan? Ini bukan salah rakyat tetapi salah Kerajaan. Bolehkah Kerajaan beritahu apakah satu ketetapan atau tindakan Kerajaan akan ambil atas demam denggi untuk kebersihan di seluruh tanahair kita?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat itu bercakap atas

jumlah 100 orang yang telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit demam denggi. Ini saya katakan satu kenyataan yang tidak betul langsung. Saya tidak mahu gunakan perkataan bohong, tetapi saya kata tidak betul (*Ketawa*). Yang sebenarnya sehingga hari ini 6hb Disember, 1973 cuma ada 34 orang yang telah meninggal dunia disebabkan penyakit demam denggi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan cuma boleh menolong kepada rakyat menghapuskan apa-apa penyakit yang ada di negeri ini, akan tetapi rakyat kita akan menolong mereka sendiri untuk membersihkan kawasannya sendiri, itu bukan tanggungjawab Kerajaan. Jikalau Ahli Yang Berhormat mahu makan racun, mahu mati, apa Kerajaan boleh buat (*Ketawa*). Jadi Ahli Yang Berhormat itu janganlah selalu menuduh, membuat tuduhan kepada Kerajaan sahaja, akan tetapi beliau sendiri tidak mengambil tanggungjawab.

Tuan V. David: Kami tidak pernah makan racun (poison), Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri Kesihatan ada menyatakan bahawa kita kehilangan 34 nyawa dalam negara kita, barangkali Menteri Kesihatan ingat 34 orang yang meninggal itu bukan satu hal mustahak. Bila demam denggi sudah sampai ke sini, kita nampak tiap-tiap kawasan: ada 2 hari atau 3 hari Kerajaan ada ambil tindakan untuk kebersihan. Ini kita tidak nampak apa-apa di antara kampung baharu umpamanya Jinjang New Village sampai sekarang didapati kotor tidak disapu, tidak dibersihkan, oleh kerana Kementerian Kesihatan tidak mengambil satu tindakan untuk membersihkan kawasan-kawasan di seluruh tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka supaya soalan itu dibuat dengan tepat pada soalan asal, jangan menyeleweng.

Tuan V. David: Terima kasih. Dalam Parlimen ini, dalam mesyuarat yang lepas kita telah beritahu bahawa di Sungai Pinang ada minta dibersihkan tetapi sampai sekarang tidak dibuat. Bukan sahaja dalam sungai itu kotor tetapi barangkali binatang-binatang yang mati pun ada dibuang di sana, tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang kata. . . .

Tan Sri Lee Siok Yew: Apa soalan tambahannya?

Tuan V. David: Saya belum habis lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau belum habis, habiskan kemudian.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan demam denggi di Sabah, saya hendak bertanya Menteri yang berkenaan adakah beliau menangkap nyamuk dalam negeri Sabah dan menyasat nyamuk itu samada membawa demam denggi atau tidak?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebagai Menteri Kesihatan tidaklah saya mahu menangkap nyamuk, barangkali Ahli Yang Berhormat itu jika ada kelapangan masa bolehlah menangkap nyamuk. (*Ketawa*)

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak salahkan nyamuk denggi dan saya tidak salahkan Kerajaan, tetapi saya hendak bertanya oleh kerana 34 orang sudah mati disebabkan penyakit ini, adakah atau tidak ubat penyakit denggi ini. Saya dengar penyakit denggi itu tidak ada ubatnya kata doktor, sebab ini penyakit baru. Jadi, saya hendak bertanya adakah ubat untuk menyembuhkannya? Adapun masaalah tidak ada kerjasama daripada orang ramai dan sebagainya itu perkara lain. Apa yang saya hendak tanya ialah kalau orang ramai kena demam denggi ini apa ubatnya? Adakah ubat yang boleh menyembuhkan penyakit ini.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat yang disimpan di negara kita ini ada berbagai jenis, tetapi ubat ini ada mencukupi. Pesakit-pesakit itu meninggal dunia, ialah kadang-kadang pesakit-pesakit datang ke hospital apabila penyakitnya telah teruk, jadi sudah lewat sangat untuk diselamatkan.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyakit demam denggi ini kita dengar ada 34 orang yang meninggal, berapa orangkah semua sekali yang masuk ke hospital?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, jumlah orang-orang yang disyaki mengidap panyakit demam denggi itu yang dimasukkan ke hospital ialah seramai 935 orang di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, mengikut penjelasan Menteri tadi orang yang sudah teruk kena demam denggi ini baru dimasukkan ke hospital, jadi apakah jenis ubat yang diberi?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, doktor-doktor tahu apa jenis ubat yang hendak diberi.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, penyakit demam denggi ini kita tahu tidak ada ubat, sebagaimana kata Ahli Parlimen dari Kuala Selangor ini penyakit baru, tidak ada ubatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sudah tahu tidak ada ubat, apa guna ditanya?

Tuan Ng Hoe Hun: Yang Berhormat Menteri kata ada ubatnya, sekarang saya mahu tahu apa ubatnya itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada, duduk!

Tuan Peter Paul Dason: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mengeluarkan suatu arahan kepada semua pekerja-pekerja Rural District Council iaitu bila mereka pergi mengambil sampah di rumah-rumah tidak membuang sampah sarap di belakang rumah, dan meminta kerjasama penduduk-penduduk tempatan mencuci longkang-longkang supaya tidak membiarkan kekotoran dan mengelakkan penyakit demam denggi.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak faham apakah sistem Kerajaan di negara kita ini. Sistem Kerajaan di negara kita ini ada yang berkaitan dengan Majlis Tempatan, Majlis Bandaran, Bandaraya, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Jadi pekerjaan ini adalah tanggungjawab Local Council atau Kerajaan Tempatan, bukan Kementerian saya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, kalau district council atau Majlis Tempatan bertanggungjawab membuang sampah di hadapan atau di belakang rumah-rumah yang boleh menimbulkan bahaya kesihatan siapakah yang bertanggungjawab atas perkara itu, adakah Kementerian Kesihatan bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan itu?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu sebagai Ahli Parlimen beliau lebih faham atas soalan ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyakit demam denggi ini, ada atau tidak Kementerian Kesihatan mempunyai suatu rancangan untuk menolong rakyat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian saya mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk menjaga kesihatan rakyat, bukan sahaja rancangan mengawal demam denggi.

Tuan Loh Jee Mee: Adakah Menteri berkenaan sedar di Pejabat Kesihatan Daerah Tapah di luar pejabat itu banyak sampah, dan kalau sedar, bolehkah disiasat?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, Ahli Yang Berhormat itu boleh menyampaikan soalan ini kepada saya, tidak payah disebutkan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini ada seramai 34 orang sudah mati oleh kerana demam denggi. Bolehkah beliau memberi jumlah kematian dalam bulan November dan Disember ini untuk menunjukkan bahawa demam denggi ini telah dikawal?

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu pun.

LORI PENGANGKUTAN— KEKURANGAN

6. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (i) samada beliau sedar bahawa ada kekurangan lori pengangkutan di negara kita dan oleh itu kos pengangkutan barang-barang telah melambung naik dan apa tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi masaalah ini;
- (ii) samada beliau akan bersikap liberal dalam mengeluarkan permit-permit lori untuk mengatasi masaalah kekurangan lori; dan
- (iii) samada beliau akan menimbang menjeniskan semula semua lori Kelas "C" sebagai lori Kelas "B" untuk menolong menurunkan kos pengangkutan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, semenjak 1hb November, 1971 Lembaga Pelesenan Jalan di Kementerian Perhubungan telah mengeluarkan sebanyak 1,140 permit lori jenis "A", samada lori yang besar dan kecil iaitu 3 tan ke bawah untuk mengangkut barang-barang sewa atau upah. Akan tetapi disebabkan kekurangan lori yang dikeluarkan oleh kilang-kilang lori di negara kita ini hanya 587 pemegang permit dapat membeli lori mereka dan sebanyak 553 pemegang permit lain belum dapat membeli lori-lorinya. Saya telah pun mengarah pegawai-pegawai Kementerian saya supaya mengadakan perundingan dengan pegawai-pegawai dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta pihak pemasangan atau assemblers dan wakil-wakil penjual lori supaya dapat menambah bekalan lori menerusi tambahan impot dari luar negeri.

Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan sedia menimbangkan permohonan permit-permit lori jika pengangkutan lori di kawasan-kawasan yang dipohon itu benar-benar tidak mencukupi.

Untuk mengurangkan perbelanjaan pemilik-pemilik lori Jenis "C" Lembaga Pelesenan sedia menimbangkan permohonan-permohonan untuk membenarkan lori-lori jenis tersebut permit sementara bagi membawa barang-barang seperti buah-buahan, sayur-sayoran dan barang-barang yang biasanya mereka tidak dibenarkan membawanya.

Lembaga Pelesenan tidak lagi mengeluarkan permit Jenis "B" selaras dengan kehendak undang-undang Lalu Lintas Jalan Tahun 1958 mengikut dasar baru.

Tuan V. Veerappen: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pengeluaran lori-lori di negara kita tidak mencukupi, bolehkah Kerajaan beri peluang kepada pemohon-pemohon mengimpot lori?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu bukan di bawah Kementerian saya, tetapi saya telah arahkan pegawai-pegawai Kementerian saya berhubung dengan pegawai-pegawai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya mereka boleh berhubung dengan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penerangan yang diberi oleh Menteri Perhubungan tadi ada diberi kemudahan

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar terlampau laju sangat.

Tuan Hashim bin Gera: Baiklah, saya perlahan—30 batu satu jam (*Ketawa*). Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Menteri Perhubungan tadi, oleh kerana keterangan lori pengangkutan, dia telah membenarkan beberapa permit lori Jenis "C" boleh membawa buah-buahan atau barang-barang lain. Akan tetapi atas kelonggaran Undang-undang itu adakah atau tidak kerjasama di antara Menteri Perhubungan dengan pihak pegawai lalu-lintas sebab pernah berlaku apakala lori itu membawa barang yang bukan dalam perमितnya ditahan oleh polis, dia kata sudah dapat kebenaran kelonggaran membawa buah durian ini, tetapi polis terpaksa menyamannya. Ertinya dua pihak tidak bekerjasama yang menjadi mangsa tuan lori, sudahkah ada bekerjasama, itu saya hendak tanya?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kalau Yang Berhormat itu ada keterangan yang benar iaitu lori Jenis "C" yang dibenarkan permit ataupun kebenaran sementara, saya rasa tidak ada pegawai polis hendak membawanya ke mahkamah. Boleh jadi dia diberi permit untuk dua minggu, ini sementara musim buah umpamanya. Dia bukan tengok permit, permit sudah mati walaupun ada, jadi tentulah pegawai polis tangkap. Siasat baik-baik atas perkara ini. Saya sedia hendak rundingkan atas perkara ini, kerana kalau betul, ini zalim, dan Kerajaan mesti adakan koordinasi dan tidak semesti sewenang-wenangnya mengambil tindakan.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, saya faham perमितnya dua minggu diberi, tetapi musim durian sebulan. Bila sampai dua minggu, dia hendak minta permit lagi, jadi duriannya busok—buat tempoayak sahaja. (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya beri contoh tadi ada kalanya yang minta dua minggu. Kalau . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dahulu! Soalannya belum timbul lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Dia kata dua minggu tadi dan minta panjangkan.

Tuan Hashim bin Gera: Soalannya begini. Sudah cukup dua minggu dia

Tuan Yang di-Pertua: Minta panjangkan.

Tuan Hashim bin Gera: Ya, dibawanya durian itu apabila ditahan oleh polis dia kata, saya akan minta lagi, lepaskanlah saya, bolehkah dibuat secara yang demikian?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kiranya durian yang dibawa itu banyak, jadi tempoh dua minggu tidak cukup tentulah akan ditimbangan, boleh sambung lagi dua minggu, ataupun minta terus sebulan tetapi mintalah, jangan tidak ada permit dibawa juga—itu salah.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah mengatasi kekurangan lori pengangkutan ini adakah Kementerian ini sedang memikirkan iaitu diubah sistem yang ada sekarang, dihadkan sebuah lori yang ada permit "A" itu kepada sebuah pengkalan yang dikehendaki oleh pengangkutan kita supaya permit itu boleh membawa di seluruh Malaysia ini, adakah masalah ini akan ditimbangan oleh Kementerian ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu patut terima kasih kepada Kerajaan Perikatan, kerana mengikut pengalaman kita telah luaskan zone kalau dibandingkan sepuluh tahun yang lalu. Kalau dahulu tuan punya lori itu dibenarkan dari daerah ke daerah sahaja ataupun dalam sebuah negeri sahaja. Sekarang ini kita benarkan seluruh Tanah Melayu tetapi tidak bolehlah banyak permit dikeluarkan di seluruh Tanah Melayu. Semuanya akan mati kerana perlawanan terlampau hebat. Kita akan timbangan mana yang patut, kita akan beri peruntukan itu.

PENIAGA-PENIAGA KECIL BUMIPUTRA

7. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ramai kaum bukan Bumiputra yang miskin memerlukan pinjaman-pinjaman Kerajaan

untuk melaburkan modal dalam perniagaan-perniagaan kecil, dan jika ya, samada Kerajaan akan menyediakan pinjaman itu kepada mereka di bawah Rancangan Lima Tahun Yang Kedua.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga kecil bukan bumiputra boleh mendapat pinjaman wang daripada C.G.C., sebuah badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara dengan kerjasama Bank Perniagaan yang dibenarkan bermodal \$20 juta dan sekarang sudah dibayar \$2.5 juta iaitu 20% Bank Negara, 80% Commercial Bank. Sehingga pada hari ini semua bangsa termasuk Melayu dan bukan Melayu seramai 1,516 orang telah meminjam dan jumlah pinjaman \$5,999,283.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang bertanggungjawab tahu iaitu apabila seorang bumiputra ataupun bukan bumiputra hendak meminjam wang daripada MARA atau lain-lain berkehendakkan dua penjamin? Jadi orang miskin datang berjumpa Wakil-wakil Rakyat, Wakil-Rakyat jamin. Apabila orang ini tidak membayar, jadi orang yang menjamin inilah yang kena bayar. Adakah Yang Berhormat Menteri akan siasat perkara ini supaya orang-orang miskin ini tidak payah berjumpa dengan Wakil Rakyat jadi penjamin? Kita terpaksa sains berpuhuluh ribu, tetapi kita akan membayarnya. Jadi adakah cara lain iaitu tanpa penjamin, kita beri pinjam terus kepada orang-orang ini. Kalau suruh cari penjamin adalah susah.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga kecil diberi pinjaman dengan tidak ada jaminan yang pinjamannya \$2,000 ke bawah, memadai Persatuan Peniaga-peniaga Kecil itu sendiri menjadi penjaminnya.

BANDUAN CHIA AH KOW/ IDRIS BIN TADAH

8. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mengapa pada bulan Mei, 1973, Penguasa Penjara Taiping telah tidak membenarkan dua orang banduan Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah

bersumpah berhubung dengan rayuan mereka di hadapan Pesuruhjaya Sumpah;

- (b) mengapa pegawai berkenaan tidak mendapatkan perkhidmatan dari Pesuruhjaya Sumpah Mahkamah Taiping dan mengendalikan permintaan banduan-banduan tersebut;
- (c) mengapa pegawai yang berkenaan meminta perintah mahkamah supaya banduan-banduan ini dibawa ke mahkamah Taiping dan sebaliknya beliau dengan sepenuh-penuhnya mengetahui yang beliau boleh membuat persiapan bagi banduan-banduan tersebut mengangkat sumpah; dan
- (d) samada Menteri akan perhatikan di masa akan datang bahawa segala kemudahan dan perlindungan diberikan kepada banduan-banduan untuk menegakkan keadilan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Pengarah Penjara, Taiping tidak membenarkan banduan-banduan bernama Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah pada bulan Mei 1973 adalah tidak benar. Apa yang sebenarnya berlaku ialah bahawa pada 11hb Mei, 1973 Pengarah Penjara, Taiping telah menerima sepucuk surat daripada Peguambela yang mewakili Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah yang mengemukakan dua "Affidavits" untuk ditandatangani oleh mereka itu di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Maka Pengarah Penjara, Taiping pada hari itu juga—pada hari menerima surat itu iaitu 11hb Mei, 1973 telah menjawab kepada permohonan peguam tersebut dengan memberi dua "alternatives" pilihan mana satu kepada beliau:

- (a) *Alternative pertama*

Peguambela itu mendapatkan "Order to Produce Person in Custody" daripada Pendaftar Mahkamah dan mengemukakan "Order" tersebut kepada Pengarah Penjara, Taiping bagi membolehkan beliau membawa kedua banduan itu ke mahkamah untuk mengangkat sumpah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.

(b) Alternative kedua

Peguambela itu mengatur dengan Pesuruhjaya Sumpah datang ke Penjara Taiping untuk membolehkan kedua-dua orang banduan itu mengangkat sumpah di hadapan beliau.

Pada 24hb Mei, 1973 tiga belas hari kemudian seorang Pesuruhjaya Sumpah telah dibawa ke Penjara Taiping untuk membolehkan Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah mengangkat sumpah.

Maka segala kemudahan dan perlindungan sentiasa diberikan kepada banduan-banduan apabila sahaja dikehendaki tetapi hendaklah selaras dengan peruntukan-peruntukan di bawah Ordinan Penjara, 1952.

Tuan Ng Hoe Hun: Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada silap sedikit Yang Berhormat Menteri tadi. Bukan Penguasa Penjara Taiping yang membawa kedua-dua orang ini iaitu Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah di hadapan Pesuruhjaya Sumpah. Yang sebenarnya, saya yang membawa Pesuruhjaya Sumpah ke Penjara Taiping untuk kedua-dua ini menandatangani. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Menteri Yang Berhormat melantik seorang pegawai di Penjara Taiping menjadi Pesuruhjaya Sumpah?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa menyiasat dahulu keadaan tempat masing-masing adakah mustahak perkara ini dibuat begitu, kerana pada pendapat saya sekarang ini tidak ada kesusahan, tidak ada langsung kesusahan untuk melaksanakan perkara yang dikehendaki itu dengan cara peraturan yang ada sekarang ini.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah masalah berkenaan dengan Chia Ah Kow dan Idris bin Tadah. Idris bin Tadah ialah seorang Indonesia yang telah dilepaskan, tetapi surat akuan yang dibuat yang telah diterima oleh.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ini soalan tambahan?

Tuan Ng Hoe Hun: Ya, soalan tambahan. Saya memberi penjelasan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau penjelasan pun janganlah cerita panjang-panjang.

Tuan Ng Hoe Hun: Tidak panjang, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu menjelaskan. Setelah surat akuan diberi kepada Chief Registrar, High Court, dan Counsel kepada Idris bin Tadah sudah terima masalah ini, tetapi Idris bin Tadah telah dilepaskan dan kes-kes Idris bin Tadah sekarang ini ada lagi di High Court. Apa sebabnya Attorney-General tidak beritahu kepada Chief Registrar of High Court dan Counsel kepada Idris bin Tadah, beritahu dia sudah lepas. Bolehkah Attorney-General buat begitu?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, Attorney General tidak ada di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak faham. Tidak payah dijawab.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Ini masalah berkenaan dengan Chia Ah Kow, sekarang berada di Prison Taiping dan ditangkap semasa confrontation dengan Indonesia dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apakah soalnya?

Tuan Ng Hoe Hun: Bolehkah Menteri melepaskan Chia Ah Kow serupa dengan Idris bin Tadah?

Tuan Yang di-Pertua: Itu adalah lain daripada soalan asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Saya minta Chia Ah Kow di sini sila.

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa meminta Ahli Yang Berhormat itu duduk atau keluar!

Tuan Ng Hoe Hun: Baik, terima kasih.

SEKOLAH BERASRAMA

9. Dr S. Seevaratnam minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian beliau akan menubuhkan sekolah-sekolah berasrama bagi anak-anak pekerja-pekerja ladang, memandangkan kepada hal bahawa hasil kajian-kajian yang telah dibuat secara persendirian dan oleh pihak Kerajaan adalah

disetujui bahawa kanak-kanak dalam sektor ini adalah kurang bernasib baik daripada kanak-kanak dalam sektor-sektor lain, dalam bidang pelajaran dan pemberian makanan.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, jawabnya tidak. Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk menubuhkan sekolah-sekolah berasrama khas untuk anak-anak pekerja-pekerja ladang. Kanak-kanak ini, sebagaimana kanak-kanak yang lain, boleh memohon untuk masuk asrama-asrama yang ada dan yang akan diadakan.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan untuk meninggikan tempat-tempat asrama di sekolah-sekolah khasnya dengan menubuhkan asrama-asrama yang lebih di seluruh negeri?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Mengang. Tempat-tempat di asrama sudah ditambah dan akan ditambah mengikut kewangan negara.

Tuan V. David: Soalan tambahan. Laporan Murad mengatakan tiada asrama di tiap-tiap kawasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat dan menimbang mana-mana tempat asrama yang tidak ada?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, memang rancangan-rancangan asrama akan diadakan.

Tuan V. David: Laporan Murad itu barangkali Yang Berhormat Menteri tidak membacanya. Kalau ada membaca, adakah beliau menerima atau tidak laporan tersebut?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Tuan Lim Kit Siang: Oleh kerana Laporan Murad dan lain-lain penyiasatan Kerajaan menunjukkan bahawa anak-anak pekerja-pekerja di ladang sangat mundur dalam lapangan pelajaran, baik di peringkat rendah, menengah atau universiti. Adakah Kerajaan atau Kementerian Pelajaran menegadakan satu rancangan khas (special programme) untuk memberi peluang kepada anak-anak pekerja-pekerja ladang, supaya boleh melanjutkan pelajaran di sekolah menengah dan universiti. Adakah satu special programme untuk mereka dan berapa peratus yang pergi dan sudah mendapat peluang ini?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan V. Veerappen: Soalan tambahan. Bolehkah Kerajaan memberikan tempat yang lebih kepada murid-murid dan ladang-ladang khasnya ladang-ladang yang dipecah untuk masuk ke sekolah-sekolah yang berasrama yang ada sekarang dan yang akan diadakan?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, semua kanak-kanak akan diberi peluang kalau sekiranya ada tempat di asrama-asrama yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).

DAGING—KEPERLUAN NEGARA

10. Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) samada Lembaga Kemajuan Ternakan Negara sekarang telah mencapai kemampuan untuk membekalkan keperluan daging seluruh negara; dan
- (b) jumlah pengeluaran daging Lembaga dan jumlah keperluan negara yang mesti ditampungnya.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Lembaga Kemajuan Ternakan Negara yang baharu sahaja setahun ditubuhkan belum lagi mengeluarkan bekalan binatang ternakan yang dipeliharanya sendiri untuk disembelih. Pada ketika ini Lembaga itu sedang giat mengusahakan sebanyak 7 kawasan yang berjumlah sebanyak lebih kurang 30,000 ekar bagi pemeliharaan lembu dengan cara besar-besaran untuk pengeluaran daging dan susu.
- (b) Setakat ini Malaysia mengeluarkan lebih kurang 25.4 juta lb. daging dan jumlah ini adalah bersamaan dengan lebih kurang 82% daripada keperluannya. Baki keperluan sebanyak 18% lagi itu adalah dipenuhi dengan impot dari negeri luar termasuk Negeri Thai dan Indonesia. Menurut ramalan keperluan Malaysia bagi tahun 1975 adalah

sebanyak lebih kurang 38.5 juta lb. daging dan angka itu akan meningkat kepada 45.9 juta lb. dalam tahun 1980.

Adalah diharap Lembaga Kemajuan Ternakan Negara akan dapat menampung keperluan daging yang dikehendaki oleh negara ini kelak apabila rancangan-rancangan ternakan yang dijalankan itu telah mengeluarkan hasil sepenuhnya.

WARGANEGARA ASING MEMILIKI TANAH

11. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada beliau sedar bahawa ramai warganegara-warganegara asing termasuk warganegara Singapura, dibenarkan memiliki tanah di Malaysia, dan jika ya, samada Kementerian beliau bercadang untuk meminda undang-undang untuk mencegah rakyat-rakyat asing memiliki tanah di negara ini.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Saya sedar bahawa ada warganegara-warganegara asing yang memiliki tanah-tanah di Malaysia. Perkara ini perlu diselidiki dengan sedalam-dalamnya sebelum Kerajaan mengambil keputusan samada untuk mengadakan satu Undang-undang bagi menghalang warganegara-warganegara asing memiliki tanah-tanah di Malaysia, atau sebarang peraturan bagi menghadkan atau sebagainya.

BESI—KELUARAN KILANG-KILANG

12. Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) (i) jumlah keluaran besi setiap bulan oleh kilang-kilang besi di Malaysia;
- (ii) jumlah besi yang digunakan dalam kerja-kerja pembinaan setiap bulan; dan
- (iii) samada benar bahawa kebanyakan dari besi yang dikeluarkan itu diekspotkan ke luar negeri; dan
- (b) mengapakah harga besi tidak ditetapkan di peringkat pengedaran untuk mengelakkan kenaikan harga besi sebab pembahagi menentukan harga mengikut sukahatinya sahaja.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Hussein bin Datuk Onn):

- (a) (i) Pengeluaran bulanan batang-batang besi oleh empat pengilang-pengilang besi di Malaysia adalah seperti berikut :

Malayawata ...	10,000 tan
United Malaysia	
Steel Mill ...	3,000 ..
Malaysia Steel	
Work	2,000 ..
Dah Yung ...	750 ..
	<hr/>
	15,750 tan

- (ii) Jumlah yang digunakan setiap bulan oleh perusahaan binaan adalah sebanyak lebih kurang 18,000 tan dan anggaran tambahan tahunan adalah 18%.
- (iii) Batang-batang besi telah dikenakan larangan ekseptot sama sekali mulai 5-2-70 di bawah P.U. (A) 60 untuk menentukan bahawa pasaran tempatan diberi keutamaan bagi batang-batang besi yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang tempatan.
- (b) Pada umumnya pembahagi-pembahagi membuat rancangan sendiri ke atas bekalan batang-batang besi dari kilang-kilang berasaskan kepada kos-kos pengangkutan yang minima. Di samping itu, sebilangan dari pembahagi-pembahagi tersebut menghantar bekalan yang dipesan secara terus kepada tempat-tempat yang dikehendaki oleh pelanggan-pelanggan mereka, seperti ke tempat-tempat kerja pembinaan sebanyak jumlah yang tertentu dan ada di antara mereka yang suka batang-batang besi dihantar kepada gudang-gudang yang berdekatan yang paling sesuai bagi mereka mengedarkan batang-batang besi tersebut yang diperolehi dari kilang-kilang tempatan.

Perlu diingatkan di sini bahawa batang besi diistiharkan sebagai barang kawalan pada 28-6-73. Dengan adanya kuasa di bawah pengistiharan ini, dapatlah Kerajaan mengkaji lebih dalam lagi hal-hal batang besi. Pada ketika ini, Jawatankuasa Khas mengenai besi waja sedang mengkaji

masaalah batang besi bertujuan mencari harga yang berpatutan di peringkat pengeluaran dan pengedar.

INSTITIUT TEKNOLOJI MARA— SISWAZAH

13. Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim minta Menteri Pembangunan Ekonomi Desa menyatakan bilangan siswazah-siswazah Institiut Teknologi MARA yang masih tidak mempunyai pekerjaan dan sebab-sebabnya.

Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Boleh dikatakan semua siswazah-siswazah Institiut Teknologi MARA, telah mendapat pekerjaan. Sebelum tahun 1969, bilangan yang lambat mendapat pekerjaan adalah agak ramai, tetapi keadaan telah jauh bertambah baik selepas itu. Umpamanya, dari 402 orang siswazah-siswazah yang lulus pada tahun ilmiah 1972/1973, cuma kira-kira 15 orang sahaja yang belum berjaya mendapat pekerjaan walaupun telah ditemuduga. Dari bilangan ini, kebanyakan daripada mereka adalah perempuan. Mungkin jantina adalah salah satu sebab mereka tidak berjaya mendapat pekerjaan yang diminta. Bagi kaum lelaki pula, ada di antara mereka yang cacat anggota atau mempunyai keputusan peperiksaan yang tidak memuaskan. Oleh itu dalam temuduga tentulah calon-calon yang berkecenderungan dan gaya yang lebih akan diutamakan.

Pada umumnya, memang masih ada lagi kalangan swasta yang keberatan untuk menerima siswazah-siswazah I.T.M. Sebab-sebabnya hanyalah diketahui oleh mereka sahaja.

PERMOHONAN PEMECAHAN TANAH

14. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas samada beliau sedar, memandangkan kelambatan dalam memproseskan permohonan-permohonan bagi pemecahan kecil (subdivision) tanah boleh melambatkan pembangunan dan membantutkan semangat rakyat-rakyat menjalankan pembangunan, apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan supaya menjamin bahawa permohonan-permohonan seperti ini dapat dipercepatkan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Pada keseluruhannya kelambatan jarang berlaku dalam memproseskan permohonan-permohonan pecah sempadan jika sekiranya tanah-tanah yang hendak dipecah itu akan digunakan bagi maksud asal sebagaimana ada tercatat dalam surat hakmilik pemohon. Tetapi sebaliknya bagi permohonan-permohonan pecah sempadan yang mana kegunaan tanah itu terpaksa diubah misalnya daripada syarat tanaman kepada bangunan, maka permohonan-permohonan ini akan memakan masa yang agak lama sedikit. Walaubagaimanapun, untuk mengatasi masaalah ini, Kementerian saya sedang mengambil langkah yang sesuai dengan kerjasama pihak berkuasa negeri.

SEKOLAH PERSENDIRIAN

15. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa ramai penuntut-penuntut yang gagal peperiksaan SRP tidak dapat mencari pekerjaan dan tidak pula dapat menyambungkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah persendirian kerana kekurangan sekolah-sekolah seperti itu di negara ini, dan jika ya, samada Kerajaan bercadang untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah seperti itu.

Menteri Pelajaran (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Soal Kerajaan membina sekolah-sekolah persendirian tidak timbul kerana sekolah-sekolah persendirian dibina dan diselenggarakan oleh pihak-pihak persendirian.

GURU SEKOLAH TAMIL DI ESTET

16. Dr A. Soorian minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa guru-guru Sekolah Tamil di Estet-estet terpaksa mengajar beberapa buah darjah dalam satu masa, misalnya di Bukit Bertam Estet di Port Dickson di mana seorang guru mengajar tiga darjah dalam satu masa, yang bermakna bahawa ia memberikan kurang daripada lima belas minit kepada sesuatu darjah dan oleh yang demikian guru-guru seperti ini tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap sesuatu matapelajaran dalam darjah dan murid-murid juga terbiar; jika sedar adakah Kementerian akan menimbang menyatukan sekolah-sekolah kepada satu

Pusat dengan pihak Pengurus Estet menyediakan kenderaan yang perlu bagi kanak-kanak sekolah.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Kementerian Pelajaran sedar bahawa guru-guru Sekolah Tamil di setengah-setengah ladang (estate) mengajar beberapa buah darjah satu masa. Oleh kerana murid-murid di sekolah-sekolah itu sangat kecil, maka Kementerian tak dapat mengadakan satu guru satu darjah. Jumlah murid di sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Bukit Bertam ialah 36 orang dengan dua orang guru. Keramaian murid yang terlalu kecil seumpama ini tidak membenarkan lebih banyak "teacher-student ratio".

Di mana-mana boleh, Kementerian Pelajaran akan mencantumkan sekolah-sekolah kecil supaya senang mengadakan kemudahan-kemudahan dan membaiki pentadbiran demi kebaikan penuntut-penuntut. Berkenaan dengan Pengurus Estet menyediakan kenderaan yang perlu bagi kanak-kanak sekolah, ini adalah terpulang kepada Pengurus Estet itu. Walaubagaimanapun, bantuan-bantuan seperti itu amatlah dialu-alukan.

PEJABAT PENGANGKUTAN JALAN DI IPOH

17. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau akan menimbang mendirikan sebuah bangunan baru untuk Jabatan Pengangkutan Jalan di Ipoh, Perak memandang bahawa bangunan sekarang ini tidak selaras dengan kemuliaan dan kehormatan bandar Ipoh dan bahawa bangunan itu sangat sesak menyebabkan kesusahan bukan sahaja kepada orang ramai tetapi kepada kakitangan jabatan itu juga, dan jika ya, bilakah bangunan itu akan dibina.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Peruntukan wang sebanyak \$1,100,000 telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua bagi membina sebuah bangunan baru Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Perak di Ipoh di atas satu kawasan tanah seluas 10 ekar di Jalan Tasik, Ipoh, dan pembinaan akan dimulakan sebaik-baik sahaja plan bangunan pejabat yang dicadangkan itu disiapkan sedikit masa lagi.

TANAMAN SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS

18. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Kementerian beliau akan menimbang menubuhkan satu jawatankuasa untuk meninjau setakat mana tanaman sayur secara haram di Cameron Highlands dan lain-lain tempat patut diberi pengesahan.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Perkara-perkara yang bersangkutan dengan pentadbiran tanah termasuk pengeluaran militik dan kebenaran Pembukaan Tanah Sementara "T.O.L." adalah dalam tanggungjawab masing-masing Kerajaan Negeri. Oleh hal yang demikian Kementerian saya tiada akan merancang penubuhan Jawatankuasa untuk menyiasat perkara yang dimaksudkan oleh ahli Yang Berhormat itu.

Walaubagaimanapun Kementerian saya sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana Kerajaan Negeri bagi mengatasi sebarang kesulitan mengenai tanah untuk pertanian. Mengenai masalah tanah yang diusahakan bagi tanaman sayur secara haram di Cameron Highlands itu Kerajaan Negeri Pahang telah membentuk sebuah Jawatankuasa Perunding mengandungi Ketua-ketua Pejabat Kerajaan Negeri Pahang dan juga wakil Lembaga Letrik Negara untuk mengawasi pembukaan tanah-tanah Kerajaan secara haram. Oleh kerana keadaan tanah di Cameron Highlands itu yang berlainan daripada tempat-tempat lain Kerajaan Negeri Pahang tidak dapat memberi kelulusan bagi tanah yang telah dibuka dengan secara haram itu untuk dimiliki.

KELAS H.S.C./S.T.P.

19. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (i) bilangan pelajar-pelajar yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki yang telah memohon menyertai kelas-kelas H.S.C. dan S.T.P. dalam tahun 1970, 1971, 1972 dan 1973 dengan memberikan angka-angka yang berasingan bagi tiap-tiap jenis kelas.

- (a) bilangan yang telah diterima masuk dalam tahun-tahun itu;

- (b) bilangan permohonan-permohonan yang telah ditolak memohon dalam tahun-tahun itu.
- (ii) sebab-sebab ditolak permohonan mereka; dan
- (iii) langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil untuk memastikan bahawa semua pemohon-pemohon yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang dikehendaki akan diberi tempat dalam kelas-kelas H.S.C. dan S.T.P.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Saya dukacita tidak dapat memberikan butir-butir yang dikehendaki itu dan kerana penempatan ke dalam kelas-kelas H.S.C. dan S.T.P. adalah secara tawaran dan bukan secara permohonan.

PERMOHONAN TANAH— KELAMBATAN PROSES

20. Tuan Lim Pee Hung bertanya kepada Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas samada beliau sedar oleh kerana kelambatan dalam memproseskan permohonan-permohonan tanah, usaha haram (illegal cultivation) telah berlaku di banyak tempat-tempat di negara kita, dan jika ya, apakah tindakan-tindakan akan diambil oleh Kerajaan supaya menyelesaikan masalah ini.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Saya sedar ada berlakunya kelambatan dalam memproseskan permohonan-permohonan tanah di setengah-setengah tempat di dalam negara ini; akan tetapi saya tidaklah dapat menerima hujjah-hujjah bahawa faktor kelambatan itu merupakan satu-satunya sebab mutlak yang mengakibatkan berlakunya "Usaha haram" (illegal cultivation) di beberapa tempat di negara ini. Tindakan-tindakan tertentu telah dan sedang diambil oleh Kementerian saya dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mengatasi soal kelambatan memproseskan permohonan-permohonan tanah itu.

PELAJAR MALAYSIA DI SEBERANG LAUT

21. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan butir-butir mengenai pelajar-pelajar Malaysia di tiap-tiap negeri di seberang laut pada 31 hb Oktober, 1973.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Kementerian Pelajaran tidak mempunyai butir-butir lengkap mengenai pelajar-pelajar Malaysia di tiap-tiap negeri di seberang laut. Ini adalah kerana sebilangan besar daripada mereka yang menuntut di luar negeri merupakan pelajar-pelajar bersendirian dan juga pemergian mereka itu adalah tanpa melalui Kementerian Pelajaran kecuali pelajar-pelajar yang menuntut di United Kingdom dan Indonesia.

PENGUASA TEMPATAN— PROSES PENYATUAN

22. Tuan Tan Cheng Bee minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan menyatakan memandang bahawa adalah dasar Kerajaan hendak menolong rakyat yang tinggal di luar bandar atau di kawasan-kawasan separuh bandar dengan menggerakkan jentera pentadbiran Kerajaan di mana yang boleh, supaya berdekatan dengan kawasan-kawasan tersebut, tidakkah berlawanan dengan dasar itu bagi Kerajaan Negeri, Pulau Pinang mencantumkan Majlis Daerah Luar Bandar, Pulau Pinang dengan Majlis Bandaraya Georgetown dan juga Majlis-majlis Daerah Seberang Prai Selatan, Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Utara, dengan itu menarik jentera pentadbiran Kerajaan Tempatan daripada kawasan-kawasan luar bandar di Pulau Pinang dan Seberang Prai.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Datuk Ong Kee Hui): Proses penyatuan Penguasa-penguasa Tempatan itu akan dapat mendekatkan jurang perbezaan di antara kawasan bandar dengan luar bandar supaya kawasan-kawasan luar bandar akan menikmati kemudahan-kemudahan bandar yang tidak dinikmati sekarang. Proses itu akan juga menyusun semula masyarakat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Penyatuan Majlis Daerah Luar Bandar Pulau Pinang dengan Majlis Bandaraya Georgetown dan penyatuan Majlis-majlis Daerah Seberang Prai Selatan, Tengah dan Utara sebagai sebuah Penguasa Tempatan itu tidaklah bertentangan dengan dasar Kerajaan untuk menolong rakyat yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan prabandar oleh kerana ianya tidak langsung menghalang akan tujuan mendekatkan

jentera Kerajaan dengan rakyat. Disebaliknya pula, penyatuan ini akan membolehkan Majlis baru itu menjimatkan perbelanjaan di samping dapat bergerak dengan cara lebih sempurna lagi. Ianya akan membolehkan Majlis itu memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatannya, dapat mengadakan perancangan pembangunan yang lebih baik dan pembangunan yang demikian akan dapat dibahagi-bahagikan dengan sama bagi seluruh kawasan yang diperbesarkan itu. Sebenarnya dengan urusan penyatuan ini akan dapat mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik dan menggalakkan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar yang dahulunya telah terhalang oleh kerana kekurangan wang dan masalah-masalah kakitangan. Sehingga sekarang Majlis-majlis yang lebih besar dan yang bercorak kebandaran dalam Negeri Pulau Pinang yang dapat memperolehi nisbah harta-harta yang lebih tinggi dan mewujudkan pembangunan perusahaan dan perdagangan dalam kawasan sempadan mereka, adalah mempunyai kedudukan yang lebih baik dari segi ekonomi dan kedudukan Majlis-majlis kecil tidaklah menguntungkan dan sekiranya keadaan ini berterusan maka jurang ekonomi di antara mereka akan menjadi besar dan ini akan menggagalkan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru. Perkara utama ialah kawasan bandaran yang ada sekarang akan menolong kawasan-kawasan luar bandar menjadi bandar.

Saya suka memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa saya faham betul dengan cadangan itu dan saya yakin bahawa pentadbiran dan perkhidmatan-perkhidmatan akan dapat diperbaiki hasil dari penyatuan itu, dan saya ingin mencadangkan sekiranya Ahli Yang Berhormat itu mempunyai apa-apa cadangan-cadangan yang membina dalam perkara ini, beliau hendaklah membincangkannya dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG ZON PERDAGANGAN BEBAS (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Zon Perdagangan Bebas, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 7.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.36 ptg.

Menteri Tugas-tugas Khas (Tuan Michael Chen Wing Sum): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1973" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) As Honourable Members will recall, this Bill was introduced for its first reading in the last session, that was in July this year. As Minister responsible for environment, the honour now falls upon me to introduce it for the second and third reading.

At this point, Mr Speaker, Sir, I would like to express my appreciation for the valuable preliminary work carried out by

the Ministry of Health and the Factories and Machinery Department of the Ministry of Labour. They have been of great assistance not only in defining certain areas of immediate environmental concern but also in contributing a great deal during the drafting stage of this Bill.

My expression of thanks would not be complete if I do not include the useful work done by other Government agencies. These bodies, in carrying out their traditional duties, have also been alert and sensitive to the modern problems of pollution. Many departments are involved and I would not like to take up the time of this House to mention them all. However, I would like in particular to mention the Chemistry Department, the Rubber Research Institute, MARDI and the Meteorological Department for their foresight and sensitivity to the problem.

To all the Ministries and Departments that have shown great concern and devoted time, energy and resources to the problem of pollution, I would like to express my deep gratitude. The time has come for an integrated approach, and I hope to receive their continued support and co-operation over this growing problem in the coming years.

Mr Speaker, Sir, there is also considerable interest among manufacturers and members of the public on the issue of pollution and on the provisions of this Bill. Manufacturers, while showing a sense of social responsibility in regard to the impact of certain industrial and processing activities on the environment, are also concerned with the financial implications of the Environmental Quality Bill.

Members of the public too have shown much concern and this, too, is entirely understandable.

Mr Speaker, Sir, let me assure this House that Government is conscious of an apparent conflict between the interests of certain sectors of industry and the administration of the Act. But this is only a surface conflict and short-term in nature. We are clear in our minds that the interests of industrial development and those of environmental control, in the long run, are common: both, in a larger sense, aim at bringing about a better quality of

life for all. There is, therefore, a fundamental consistency in the aims of both economic progress and the Environmental Quality Bill.

There is an association in the minds of many between development and pollution. This is not entirely correct. In actual fact, pollution can come from both lack of development as well as indiscriminate economic development. Poverty in itself creates traditional forms of pollution such as from poor sewerage and inadequate social hygiene. On the other hand, indiscriminate development inevitably causes an uncontrolled introduction of poisonous chemicals and substances into the air, water and the food chains. All these substances end up either immediately in our lungs or gradually in our food and drink.

So far, pollution in this country has not yet reached unmanageable proportions as is the case in the more industrialised countries. But this does not imply that we can afford to relax. Experience has shown that countries considerably wealthier and possessing advanced scientific and technological skills, because they had not started earlier in controlling pollution, now find their problems extremely difficult, if not impossible. We, in this country, have a pollution problem that is growing daily and, if we allow it to go on unchecked would, in time, place us in a far worse position.

Government is deeply conscious of its responsibility and has examined the existing situation in this country. After a thorough study it was concluded that there is, indeed, a growing pollution problem in this country and it merits immediate attention.

Mr Speaker, Sir, as I said earlier, the concern of the public on the issue of pollution is understandable. It is the ordinary man in the street who has to bear the full weight of the environmental deterioration. Let us take our cities. No one can dispute that the increasing number of motor vehicles on the road generating foul fumes is a source of health hazard. The emissions from motor vehicles include hydro-carbon particles and carbon monoxide both of which, at concentrated levels, are poisonous to human beings.

In addition, the air is further polluted by discharges from factory stacks. Smoke and fume from factories contain a wide range of harmful chemicals including sulphur dioxide and trioxide. At the same time certain factories, equally freely, discharge toxic matter such as mercury and cadmium into the country's waterways. Honourable Members will note that these substances are poisonous and can slowly find their way through natural food chains into human beings. Cadmium, for example, can cause great agony and almost certain death from what is known as the "Minimata Disease" from a village of that name in Japan. But let me assure the House that there is no evidence of any such threat in the fish in this country at the moment.

Apart from being a potential hazard to human health, uncontrolled pollution can damage our environment to an extent that it would take Nature a long time to recover. Certain processes, for example, produce a large amount of wastes which, untreated, are dumped into the rivers. Though not in themselves toxic to man, these wastes absorb a great deal of oxygen from the water causing marine life, including fish and prawns, to die. The bio-chemical oxygen demand (or B.O.D.) of these wastes is high and can cause serious ecological imbalance, not to mention great hardship upon the rural people who depend on the rivers for their livelihood.

Mr Speaker, Sir, it is possible to catalogue a long list of such assaults upon our health and our surroundings by unplanned "development" and it is not my purpose to take up the time of the House to do so. I merely mentioned a few examples to illustrate both the short and long-term problems which this country, or any other country with foresight, must face promptly and resolutely.

Before this Bill was drafted, there was extensive consultation between Government officials and members of the private sector. It was found that an overall enabling Act was necessary in order to co-ordinate all activities relating to environmental quality and pollution control as the various aspects of environment are closely inter-related. Both Government and the private sector are of the view that early action must be taken to prevent the problem from taking on an

unmanageable proportion and that it would be far less costly to install control measures at the planning and design stage.

In the meantime, Sir, some preparatory work has already been carried out. I had the opportunity when I accompanied Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri to Singapore recently, to meet with my counterpart, Mr Lim Kim San. Mr Lim and I agreed that it would be useful if officials from the two countries were to meet regularly to work out solutions to our common pollution problems. I have also visited several factories and other sources of pollution in this country for first-hand impressions of the problems. At the same time, my skeleton staff have formed a number of committees and these have met several times to define areas of work and the most rational way of co-ordinating the environment-related activities of the various departments.

Mr Speaker, Sir, the Bill calls for the establishment of an advisory council called the Environmental Quality Council. This Council of nine will comprise senior officers of Ministries and Departments related to pollution-control work, as well as representatives from the private sector and the universities. The Council will advise the Minister on matters referred to it by him, thereby ensuring a broad and balanced administration of the Act.

The Bill also provides for the establishment of a Federal Department, headed by a Director-General, to administer it.

In order to control pollution effectively it would be necessary to check it at its source. Accordingly, this Bill incorporates powers for the Minister, after consultation with the Council, to license all significant waste-producing establishments. These establishments are referred to in the Bill as scheduled premises and must be licensed before they can operate. The Bill provides powers for the Minister to prescribe licence fees in direct regard with the type of industries, the location, the type of pollutants and the quantity discharged. In levying such fees, the importance of the problem in terms of the nature of the discharges and the ambient quality of the environment will be taken into consideration. Hence, in the least polluted areas, the Minister may establish less restrictive standards for waste discharge, and

stricter standards and higher fees may be levied in the high density and well-developed areas. All scheduled premises will have to be licensed even though in many cases control measures may not be needed.

The Bill also provides for a Board of Appeal for those aggrieved by the administration of the Act. This Board shall consist of three members. The Chairman and the Deputy Chairman shall be nominated by the Lord President from amongst persons who have at least seven years' experience preceding the nomination as advocates and solicitors in the High Courts in Malaysia or have been members of the Judicial and Legal Service of the Federation.

Mr Speaker, Sir, it is clear that this Bill would fill a long-felt need. This Bill is not opposed to industrialisation or economic progress. Indeed it reinforces the fruits of economic development in that it safeguards society's health and resources from poor management. We must face our environmental problems now and pay the inevitable but limited costs. The alternative is to do nothing now but pay for higher economic and social costs in the years to come.

Sir, I beg to move.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.51 ptg.

Tuan V. David (Dato Kramat): (*Dengan izin*) Mr speaker, Sir, this Bill should have in fact been introduced to this House a number of years ago. Though pollution has not reached to an extent to cause fear, I think it is absolutely clear that the dangers can be seen if it is not controlled.

Sir, water pollution and air pollution have increased tremendously over the last few years. In this House reference has been made to water being polluted in a river in Butterworth as a result of a certain form of chemical used by the textile industry in Butterworth. Sir, similarly, in this country wherever industries have been allowed to progress, a large degree of air pollution has been created and if it is allowed to go unchecked it would affect the health of the citizens of this country.

Mr Speaker, Sir, planning and controlled development is necessary in a developing country. Especially in cities, planning calls for the necessary elements to be provided for the free movement of the people where breathing of carbon monoxide will not take place. Sir, a few years ago, we still had a large number of trees in Kuala Lumpur and also in the satellite town of Petaling Jaya. But now most of the trees have disappeared in the City of Kuala Lumpur and also in places where development has taken place. The town planners and State planners have never expressed the need to allow trees to grow wherever housing development takes place. As a result of this, there could be a danger to health as a result that in some places houses are surrounded by manufacturing factories where the people will have to consume ultimately the smoke let out by these manufacturing industries.

Mr Speaker, Sir, quite a number of experts in this country have already expressed the desirability of controlling effectively pollution. The Minister responsible who moved this Bill said that he is attempting to co-ordinate with the Singapore Minister. We could, of course, borrow some of the lessons from Singapore as Singapore had already commenced to control pollution quite a long time ago.

Sir, in this Bill, we also find that a Committee is to be set up for the control of pollution. Sir, I hope this Committee will act independently, without fear or favour, placing the interest of the people and the nation before any other consideration.

Sir, environmental health should be one of the important priorities in the allocation of funds because this could have a serious effect on the health of human beings. A number of conferences have already been held by United Nations experts both in Asia and Europe expressing alarm and dismay at the growing uncontrolled situation in developing countries. While we say that this Bill should have been presented long ago, we invite the Minister to co-ordinate his activities; as he already said he is attempting to co-ordinate with some Departments, he must also co-ordinate with the city planners and also State planners' and housing and location of

factories would have to be sited where pollution can be completely prevented, either in water or in air.

Sir, there is also a tendency among factory owners in this country to dump waste into the rivers and the Klang River flowing through the City of Kuala Lumpur is no exception. Even in some low-lying areas or mining pools, waste is being dumped and strict control of these would be important.

Sir, with these observations, we hope that the health and the living environments of the people would be adequately protected by the introduction of this Bill.

3.58 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini. Saya menyokong ini oleh kerana di dalam lawatan-lawatan ke luar negeri saya dapati terutama sekali di negeri-negeri yang maju, yang telah maju, negeri-negeri ini baik udaranya ataupun airnya oleh kerana kilang-kilang yang banyak maka negeri ini telah menjadi sebuah negeri yang tidak sihat. Dengan sebab itu, maka negeri kita dengan adanya Undang-undang yang baharu datang ini, maka saya percaya dapat kita menahan supaya ada control di atas kilang-kilang yang akan didirikan ataupun yang telah didirikan di dalam negeri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membawa perhatian kepada Kerajaan yang bertanggungjawab iaitu jangkanya pada masa dahulu lagi, bukan adanya Undang-undang ini maka dapat kita sekat, tetapi sekatan ini boleh kita buat dahulu lagi, boleh jadi Menteri Kesihatan boleh menjalankan perkara ini. Sebuah kilang di Rawang, iaitu kilang simin. Kalau kita tengok kilang simin di Rawang itu, lebih kurang lima enam batu di kawasan sekeliling, semua pokok-pokok getah itu sudah mati; putih kawasan itu. Barangkali Yang Berhormat Menteri itu datangnya daripada kawasan itu dan tentulah berulang-alik daripada Kuala Lumpur ke sana menengok bagaimana keadaan pokok-pokok yang dipenuhi oleh abuk-abuk, oleh debu-debu dan abuk-abuk dan debu-debu itu apabila kena kepada pokok-pokok debu itu jadi simin pula di atas daun-daun itu dan semua pokok-pokok getah sudah mati dan Kerajaan ataupun kilang itu bertanggungjawab. Kilang simin Rawang itu bertanggungjawab untuk membayar rugi, gantirugi

macam mana yang telah di gantirugi oleh Kerajaan Jepun ataupun kilang di negeri Jepun, di mana orang-orang mati oleh kerana penyakit yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah Penyakit Minimata di Kyushu, maka begitu juga kilang simin di Rawang itu mesti mengganti rugi kepada orang-orang di Rawang yang mempunyai tanah-tanah di sana di mana pokok-pokok mereka telah mati dibuat oleh kilang simin di sana.

Kedua, banyak lagi kilang-kilang yang saya nampak orang-orang telah datang berjumpa dengan saya dan membuat komplek kepada saya iaitu Kilang Baja C.C.M. di Batu Tiga. Beberapa kali saya telah berjumpa dengan Pengurus di sana mengatakan komplek ini adalah didatangi oleh rakyat yang duduk dekat kawasan itu dan di situ juga letaknya Instituti Teknologi MARA yang besar dan di situ juga akan menjadi pekan ataupun Kepala Negeri Selangor. Cuba kita lihat bagaimana asapnya keluar daripada Kilang C.C.M. tadi. Asapnya, bukan asap putih tetapi asap kuning yang keluar cukup beracun. Mengikut orang yang pandai saya bertanya iaitu katanya asap racun yang keluar, kerana kalau tak beracun barangkali kuman pokok-pokok tak boleh mati apabila kita taruhkan baja itu, dengan sebab itu asap racun yang keluar. Saya harap Menteri yang bertanggungjawab menengokkan di atas perkara ini dan juga keluaran air daripada kilang C.C.M. itu. Ada lapuran yang diberi barangkali Yang Berhormat Menteri juga dapat tahu tanah-tanah di belakang Kampung Jawa pokok-pokoknya mati dan tak boleh ditanam. Boleh jadi datangnya daripada Mega Chemical ataupun daripada kilang C.C.M. tadi. Ini adalah komplek yang didatangi oleh orang-orang di situ.

Ketiga, sebuah kilang lagi, kalau lalu daripada Airport ke Kuala Lumpur hendak masuk ke Petaling Jaya sebelah kiri, iaitu Malayan Oxygen. Di situ kalau kita lalu terpaksa menutup hidung selama-lamanya teruama sekali selepas hujan cukup busuk. Orang-orang yang duduk di situ adalah orang-orang miskin belaka oleh kerana rumah-rumah mereka di sana adalah rumah-rumah berek—panjang, rumah-rumah murah mereka itu terpaksa mencium bau ini. Saya fikir kalau mencium lama-lama masuk ke dalam anggotanya boleh jadi tak lama dia hidup. Jadi saya harap di siasat atas perkara ini.

Keempat, di Petaling Jaya juga saya dapati dan juga dilapurkan kepada Petaling Jaya Town Board tetapi Petaling Jaya Town Board tak dapat mengambil langkah di atas perkara ini iaitu berkenaan dengan satu kilang membuat papan di situ tiap-tiap hari mengeluarkan asap yang cukup banyak. Dia mengeluarkan asap ini dia tahu pegawai-pegawai Kerajaan akan balik pada pukul 4.30 petang, pukul 1.00 tengahari, 2.00 dan 3.00 petang tak keluar asap tetapi apabila pukul 4.30 petang dan pukul 5.00 petang keluarlah asap ini bertimbun-timbun. Saya harap Yang Berhormat Menteri ataupun pegawainya menyiasat di atas perkara-perkara ini.

Selain daripada itu, saya juga hendak memetik daripada Rang Undang-undang ini iaitu Fasal 26 dan 27 yang menyatakan:

“Melepaskan minyak ke dalam laut dilarang”.

“Melepaskan minyak ke dalam perairan Malaysia dilarang”.

Di sini saya hendak menegur sedikit berkenaan dengan Fasal 26 yang menyatakan:

“26. (1) Tiada seseorang boleh melepaskan atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran mengandungi minyak ke dalam mana-mana bahagian laut di luar perairan wilayah Malaysia jika pelepasan atau penumpahan itu akan mengakibatkan minyak atau campuran mengandungi minyak dibawa, merebak atau dihanyutkan ke dalam perairan Malaysia.”

Di sini saya hendak menegur sahaja, saya bukanlah seorang loyer, tetapi saya hendak menegur di sini dibuat satu peraturan begini ataupun undang-undang begini adakah undang-undang ini berkesan atau tidak sebab ini outside the territorial water—di Luar perairan Malaysia. Adakah orang-orang ini apabila melepaskan minyak di tengah-tengah laut di antara Indonesia/Malaysia laut terluas (open sea) ini boleh ditangkap? Jadi kalau dibuat undang-undang begini saya fikir tak berhasil. Minyak itu memanglah nanti pergi ke pantai kita atau pergi ke pantai Indonesia tetapi bolehkah misalnya Yang Berhormat Menteri nanti menangkap kapal itu? Ini adalah teguran daripada saya, berhasil atau tidaknya Fasal 26 ini.

Begitu juga Fasal 26 (2) kita tengok di sini mengatakan:

“26. (2) Seseorang yang melanggar seksyen-kecil (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit”

Apabila Fasal 26 (1) kita boleh saman dia \$26 tetapi ini adalah di tengah-tengah lautan yang tidak ada kuasa sesiapa pun iaitu in Malaysian waters.

Fasal 27 (1) menyatakan:

“27. (1) Tiada seseorang boleh melepas atau menumpahkan apa-apa minyak atau campuran mengandungi minyak ke dalam perairan Malaysia.”

Ini barangkali bolehlah dijalankan. Jadi saya harap, Fasal 26 ini dikaji balik, kalau betul apa yang saya katakan ini dikaji balik, tetapi jikalau tak boleh apa pula kita hendak masukkan undang-undang ini ke dalam perkara ini yang kita tak boleh menjalankan. Saya yakin dan percaya Rang Undang-undang ini telah disemak oleh Legal Adviser ataupun orang-orang yang bertanggungjawab di atas perkara ini.

Selain daripada itu, saya juga menegas-kan kepada Dewan ini iaitu di dalam air sungai-sungai kita di sini tidak menyatakan sungai, iaitu cuma territorial water dan juga open sea tetapi bagaimana air yang dilepaskan oleh kilang-kilang ke parit-parit? Minyak-minyak ini dilepaskan ke parit-parit oleh kerana minyak-minyaknya tidak dipakai, minyak-minyak yang tak elok dilepaskan ke dalam parit-parit. Dari parit ke parit besar, parit besar ke dalam sungai kecil, sungai kecil ke dalam sungai besar. Dengan sebab itu di waktu saya kecil-kecil dahulu udang di Petaling cukup banyak. Orang-orang Melayu menangkap udang sahaja kehidupan dia tetapi hari ini seekor udang pun tak ada oleh kerana segala racun, segala minyak masuk ke dalam sungai Petaling ini.

Sir, in recent years, since the establishment of the refineries in Port Dickson the condition of the beaches stretching along the coastal waters has deteriorated. Today, when you go to the Port Dickson beach you will find that everywhere there is full of pebble-size, tar-like crude oil buried beneath the surface of the sandy beach. Those who are ignorant might think they have found oil on the beach and they may wonder whether they will get rich in no time at all.

I remember some time ago when the question of oil pollution in the Malacca Straits was raised in this House, the answer we got from the Government was that they put the blame on international oil tankers which pass through the Straits of Malacca. But surely, in this respect, the oil refineries in Port Dickson cannot run away from their responsibility, in that they are also involved in the offence of oil spillage into the sea water fronting our beaches.

Sir, as far as this Bill is concerned, the penalty which is stipulated here may not be effective to curb the offences of this nature because multi-national corporations like the oil refineries I have stated can easily afford to pay the fine and get away from the responsibility of undoing the damages done to our beautiful beaches such as those in Port Dickson. Then, it would be obvious that the Government will have to insist absolute spill-proof when oil is transferred from the tankers to feed the refineries. On the other hand, if the Government can prove that the oil pollution on our beaches is caused by the refineries concerned or by the international oil tankers which use our Malacca Straits, then justice must be done to bring the culprits to book and all damages should be assessed accordingly in the Court or in some other venues so that full compensation should be coughed out from the penalised party.

Sir, since time is short, finally I would like to suggest a three pronged attack to stamp out pollution. Firstly, Sir, the Government through the Ministry concerned should enforce vigorously the control of vehicular, machine and industrial pollution with absolutely no interference, pressure or influence from any sector.

Secondly, the Government should launch a marathon but fully effective campaign to educate and re-educate on the awareness and the necessity of maintaining environmental quality through the national information media, like T.V., radio and newspapers and other publications which are available.

And, thirdly, Sir, the Government should also take immediate action through all levels of administration, i.e., the Central, State or the Local Governments, with sufficient funds allotted to embark on a nation wide operation to build and to set up bodies to contribute to improvements and the beautification of our environment.

5.24 ptg.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) Pollution today has become an acute problem which affects the health of all people. Wherever there are factories, there is bound to be pollution. Wherever there are motor vehicles plying about, particularly

motor vehicles driven by diesel oil, there is bound to be pollution. Wherever there are ships and aeroplanes flying about, there is also bound to be pollution.

The only best way to completely wipe out pollution is to go back to the olden days where people travelled by bullock-carts and horse carriages or on foot and produced articles made out of hand. That is, perhaps, the only way in which you can completely wipe out pollution.

However, in the present day of progress and achievements, pollution is a problem which to some extent can be controlled if the authorities take proper steps. It is like hoping for a painless child birth. If you want children, there is bound to be pain. However, the pain can be minimised by expert attention. Similarly, I would say pollution can today be minimised by expert attention from authorities.

It is not known, however, when the Honourable Member for Batang Padang became the champion of Ipoh. His car itself is emitting pollution when it comes to Ipoh. So his coming to Ipoh adds to the amount of pollution already existing in Ipoh.

As far as Tasek industrial site is concerned, the Ipoh Municipality is quite capable of looking after the health of the people of Ipoh and they are not so foolish or rash as to allow pollution to affect the health of the people of Ipoh, and the people of Ipoh are taken good care of by the Municipality of Ipoh.

5.25 ptg.

Datuk James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am speaking on this Bill out of conscience. I would like to say that I welcome this Bill and I hope this Bill would achieve what we are trying to achieve, that is, mainly to reduce pollution. I agree with the Honourable Member for Ipoh that it would be impossible for us to do completely away with pollution. I also disagree with him that if we go back to the old days of bullock-carts, we shall do away with pollution, because I submit, Sir, that bullocks also pollute the roads. (*Ketawa*)

Mr Speaker, Sir, pollution actually is the price we pay particularly for industry and we have only to look around all the industrial world today to realise that the higher the standard of living in a particular country and the more industrialised it is, the more the country suffers from pollution. But I also agree, Sir, that there are ways and means whereby we could reduce pollution, and in this respect, Sir, I am reminded of what London has done. I remember going to London about 15 years ago, Sir, and there was a slight shower and after that my whole shirt was black. I was there a couple of months ago and I was again caught in a shower, Sir, in the same place but my shirt did not suffer from the smog effect. Well, this has resulted, Sir, from an intelligent and constructive approach by the London City Council authorities; I do not know what it is called, but I think they have certain types of coal being burnt in certain localities so that these areas are completely free of certain kind of fuel being used for burning. We can do, Sir, the same thing in our country. We can have certain areas which could only use certain kind of fuel for burning so that where the areas are densely populated, these particular areas too could be smog free and pollution free to a certain extent.

Mr Speaker, Sir, I would like to go further again; there is also the problem, Sir, particularly in Malaysia, especially in some of the rural areas, not only in the cities, of the pollution of rivers, as pointed out by the Honourable Member for Parit. Even in Sarawak, Sir, I remember that in certain rivers there, 10 years or 15 years ago, there used to be a lot of fish and there used to be a lot of *udang galah* around there, but today, the fish has disappeared from these areas and this has been caused mainly by raw sewerage being drained directly into the rivers and the other has been caused also particularly by the saw dust from running timbers. Running timber, Sir, has to be treated with chemicals to prevent roasting and this chemically treated saw dust is thrown into the rivers. This definitely pollutes and kills all the fishes and other marine animals. I hope something could be done about this.

In supporting this Pollution Bill, Sir, I would like to give a word of warning here, that we should not go overboard in our pollution campaign but should maintain

a sense of balance. As I have said earlier on, it is inevitable that we must have pollution because that is the price we have to pay for industries.

I am reminded here, Sir, of a case in Japan. Recently, in the last two years, there was a campaign in Japan against pollution and this has caused a tremendous industrial recession in Japan as a result because of this pollution consciousness and I would say the anti-pollution mania that went through Japan for a while. This exercise has resulted in a drop in industry in Japan.

The other point, Sir, which I would like to bring up here is the law, as it stands at the moment, I would like the Honourable Minister to clarify this. Clause 29 of the Bill says,

“No person shall, unless licensed, discharge waste into the Malaysian waters”.

I refer to the words “no person”. It is a known fact, Sir, that in some of the ulu areas and in rivers, they have had small latrines built on the rivers and I wonder what would happen if a chap goes in there and puts some wastes in the river; whether he would be liable to be accused of committing an offence and fined \$10,000. And also, Sir, what would happen if a person, having had too much beer, goes to a little drain to ease himself, whether this would also be considered an offence, Sir, in actual interpretation of that particular Clause. I would like a clarification from the Minister when he makes his reply. That is all I have to say.

5.31 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling, 1973 kerana, Tuan Yang di-Pertua, Bill ini bagi kami Parti Islam Sa-Malaysia menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan ia akan memberi manfaat kepada seluruh rakyat dan manusia. Perjuangan kami adalah menyokong segala usaha untuk melahirkan atau mewujudkan kesucian, sebab kita tahu kesucian itu adalah sebahagian daripada iman (mengikut ajaran Islam).

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada usaha pembangunan yang pesat yang dijalankan oleh Kerajaan di bandar-bandar, di

desa-desa dan hutan belantara patutlah kita ingat bahawa dalam mengejar kemajuan dan pembangunan itu janganlah hendaknya kita lupa akan nilai-nilai seni dan keindahan atau aesthetic tentang kecantikan dan nikmat alam sekeliling. Oleh itu, kita lihat bukit-bukau yang kehijauan telah dipotong dan ditelanjangkan dan sungai-sungai yang mengalir jernih sudah dikotorkan oleh sampah-sarap dan selut-selut yang dibawa dari bandar-bandar dan bukit-bukit itu. Hasilnya, sungai-sungai itu menjadi kotor dan cetek dan ini menyebabkan banjir seperti apa yang kita saksi dan lihat pernah terjadi di Kuala Lumpur ini khususnya. Perkara ini berlaku juga di lain-lain tempat dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah disebabkan oleh kecuaiannya menjaga alam sekeliling dan kurang planning dalam menjalankan projek-projek, terutamanya projek-projek perumahan. Begitu juga kesannya kepada sungai-sungai besar dan muaramuara sungai, hasil dari penebangan besar-besaran hutan rimba untuk projek-projek penanaman kelapa sawit atau getah atau lain-lainnya dengan cara besar-besaran. Oleh itu, saya harap Rang Undang-undang ini dapat mempengaruhi supaya kesan-kesan buruk seperti itu dapat dielakkan atau dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kesucian udara pula, suka saya menarik perhatian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya kilang-kilang yang mengotorkan udara diletakkan jauh-jauh dari kawasan-kawasan kediaman. Dan kalau ada kilang-kilang yang sudahpun didirikan sekarang ini bertempat di kawasan-kawasan seperti itu, Kerajaan hendaklah mengarahkan supaya kilang itu dipindahkan ke tempat lain. Saya suka menarik perhatian kepada satu tempat di pertengahan jalan ke Lapangan Terbang Subang, sebagaimana yang kita semua ketahui betapa baunya yang busuk dan mengakibatkan bahaya kepada setiap orang yang menyedut udara itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pollution di laut pula, saya suka menyarankan supaya Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat dan hukuman-hukuman denda yang paling berat kepada mana-mana pihak atau kapal-kapal yang mengotorkan laut dengan menumpahkan minyak-minyak kotor ke dalam laut. Sebab selain daripada pengotoran, ianya juga akan

membunuh ikan-ikan dan sebagainya dan menyebabkan kesusahan kepada nelayan-nelayan dan orang-orang yang menggunakan pantai. Contohnya, kalaulah kumpulan kapal-kapal minyak datang dari Timur Tengah umpamanya berlanggar dengan kapal-kapal yang datang dari Jepun, sudah tentu air laut di situ penuh bercampur dengan minyak-minyak yang membawa bahaya kepada manusia juga kepada ikan-ikan dan lain-lain yang ada di muka air itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sukalah mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana membentangkan Rang Undang-undang ini dan tahniah saya kerana Yang Berhormat Menteri itu sudahpun membuat usaha kerjasama dengan Singapura. Perkara ini amatlah perlu, sebab jika air dan udara Singapura menjadi begitu kotor maka ianya akan memberi kesan kepada rakyat dan negara kita Malaysia dan sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, usaha bersama dalam lapangan ini antara Malaysia dengan Singapura amatlah penting kerana kalau hal ini benar-benar tidak ada persefahaman, mungkin ianya akan menimbulkan bibit-bibit salah faham antara dua negara ini yang akan mengakibatkan persengketaan politik di belakang hari. Dan oleh kerana soal kekotoran itu merupakan soal dunia dan manusia seluruhnya, maka saya sekali lagi menggesa supaya Kementerian ini bersungguh-sungguh bekerjasama dengan usah-usaha dari semua negara di dunia ini terutama melalui badan-badan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

5.38 ptg.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am glad that the Government has at last set up a Ministry to look into our environmental problems. As we are on the threshold of industrialisation, the problem of pollution has become very great.

Mr Speaker, Sir, I want to raise a few points here for the consideration of the Ministry and I hope appropriate action will be taken on these few things.

Firstly, Mr Speaker, Sir, I am afraid that the balance of nature in our country has been unduly upset by our logging industry, for instance. The loggers at the moment go into the jungle and clear a lot of trees and

they do not replant in the areas where they have cut down the trees. So this is going to hurt our jungle life and the balance of nature will be upset eventually.

Indeed, Mr Speaker, Sir, in our country lately we have suffered a lot of flooding and the spate of flooding that we have got in our country could have been caused by the timber industry. When the land is cleared, inevitably erosion sets in and mud and sand tend to flow in the rivers, and when the rivers are silted, floods occur.

Secondly, Mr Speaker, Sir, I would suggest to the Government that we should stop game hunting in our country. This game of hunting animals, to say the least, is a cruel thing to do and it has also, as I have said earlier, upset the balance of nature. Although we have got the Protection of Animals Ordinance to preserve certain types of animals, there is no adequate check on the hunters. The hunters go into the jungle and if they see anything that moves, they just shoot and kill, and who is going to check whether the animal killed is a protected animal or not. So to prevent such malpractices, as I put it, the Government should put a stop completely to this sort of unhealthy game.

Thirdly, Mr Speaker, Sir, the Government sometimes is guilty of polluting the air in the country. Take, for example, the Municipality of Ipoh. It has, I would say, negligently sited a factory near a few settlements and that is the Tasek Cement Factory. A lot of complaints have been raised in the past that every day there is a film of ash coming in. This ash has been proved to have come from this particular factory. This ash is going to cause a health hazard to these people. They have on various occasions raised this problem, but because of probably vested interests of certain persons, nothing has been done. So, I hope the Minister himself will look into this problem. As I understand it, there are some regulations to the effect that this factory should not release certain type of pollutants into the air. But, Mr Speaker, Sir, I am told that this factory does release certain types of pollutants during the early hours of the morning. So, there is no one to check on this factory. So, I hope the Minister will look into this.

Fourthly, Mr Speaker, Sir, at the moment we have got plenty of housing estates around the country but, sad to say, there is not a big enough space for the children to play around. This I think the Minister must look into too. Then, Mr Speaker, Sir, these houses are crammed so much so that noise itself has become a problem. I know of a friend who has got a house and I have visited his house. Day and night his next door neighbour turns on the Rediffusion or the grammaphone. So, this is going to injure the mental health of these people. Whenever a housing scheme is put up, I hope the Minister will consider this particular problem.

Fifthly, Sir, at the moment we hear of proposals by the Coalition Government of Penang that beach hotels will be set up along the shores of Penang. This is going to raise a lot of problems regarding environment and pollution. At the moment, Mr Speaker, Sir, the present hotels, particularly, the old ones, discharge the waste products, the left-overs from dinners or lunches or the human waste products into the sea and then when we are there to swim, sometimes we get this odour. Mr Speaker, Sir, if we are going to preserve our precious and beautiful shores, then I think the Minister will have to be very particular about this particular aspect, i.e. these hotels, if ever they are put up, must not encroach upon the shores. They must be situated a certain distance away from the shores. We will have to preserve the environment of our shores. Secondly, proper flush-out systems must be set up in these hotels and even left-overs of dinners and so on and so forth have got to be destroyed in the proper ways and not to be thrown into the sea, which invariably come back to the shores—if they are thrown out, somehow or other the waves will bring them back. So, they must not be discharged into the sea.

Finally, Mr Speaker, Sir, the Bill gives the Government powers to license certain type of industries. Now, to set up a particular factory, a person will have to go through many Departments. He may have to apply to the State Government for a piece of land and then for the conversion of the land and so on and so forth. Finally, he will have to come to the Minister for a licence to set up this particular industry. Now, I hope this particular Ministry will not, just like the other Departments, delay the matters and will not insist on too much of red-tape. If

too much red-tape is insisted upon, then this particular industry may not be set up within a reasonable period and then on the whole the economy of the country will suffer. So, I hope this Ministry will try to cut down red-tape in issuing these licences. When the Minister is satisfied with the requirements, immediately he should issue the licences and not dilly-dally and so on and so forth.

That is all, thank you, Sir.

5.45 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris yang mana sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian secara singkat sahaja di dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling Tahun 1973 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri kita. Kementerian ini patut diberi ucapan tahniah kerana mencadangkan langkah-langkah kawalan yang telah dicatitkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Seperti yang kita semua sedia maklum dan mengaku kemunculan Rang Undang-undang ini adalah kena pada masanya. Memang adalah bijak Rang Undang-undang ini diluluskan menjadi Akta supaya Kualiti Alam Sekeliling di mana kita semua akan terus hidup akan bertambah sihat, bersih, nyaman dan seri, sesuai dengan taraf hidup kita yang terus meningkat berikutan dengan kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua boleh dikatakan sudah menjadi pakar tiap-tiap seorang dalam perkara pencemaran (pollution) yang akan dicegah cuba dihapuskan dan dikawal selepas kelulusan Rang Undang-undang ini.

Kita sudah menjadi pakar dalam masalah ini kerana tidak ada seorang pun yang belum diserang menerusi hidung kita oleh asap, bau busuk serta habuk baik dari kilang-kilang mahupun dari kenderaan-kenderaan berat yang lalu lintas di atas jalanraya kita tiap-tiap hari. Kita telah menjadi pakar kerana sentiasa diserang menerusi telinga kita oleh berbagai-bagai bunyi bising di sekitar alam kita.

(*Dengan izin*) Sir, because we are all experts as to what constitutes pollution by virtue of our daily sufferings, it does not mean that we are also experts in suggesting ways and means to combat it. Such is the perversity of human nature, Sir, that it is always so much easier to complain than to make constructive suggestions.

Be that as it may, I believe it is known, though not very widely known, that this problem of pollution has been given a great deal of attention behind the scenes and that this Bill is the result of studies in depth of recognition of the perils of advanced pollution and of an awareness by Government that the problem may assume tragic dimensions without early remedial measures as our industries spread through our beautiful countrysides.

However, Sir, as the emphasis in this context is to really control, control needs "teeth" in any piece of legislation; and it is gratifying to note that various penalties have been provided for in the Bill.

It will be the small men-in-the-street who will suffer the immediate effects of pollution as they can do nothing to stop it without State intervention. It will be their fervent hope that this Bill, when it becomes law, will be effectively enforced for the greatest good, to the greatest number of people, allowing for valid concessions to our burgeoning industries. Sir, unless this is done, this Bill will not get very far as law in the early control of pollution and our senses will continue to be assailed by offensive smells, noises, sights and what have you. Unless this is done, pollution will one day assume doomsday proportions with the killing of fishes in our waters, with the ensnaring of our birds in mucky-shores, destruction of our tourist spots and generally making us prisoners of our own unclean habits and our own folly.

Before I sit down, I would suggest, Sir, for the consideration of the Honourable Minister concerned, that as this piece of intended pioneer legislation is extremely ambitious but is new, it will be found, in the nature of things, to need amendments when new problems pertinent to the control of pollution occur from time to time, so that his Ministry can be ready to table amendments as and when desirable from

the point of view of the small citizens whose health and comfort is often endangered by the powerful industrialists in the name of economic progress and whose exercise of their votes have put us in this House.

Sir, I support the passing of this Bill.

5.52 *ptg.*

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini iaitu Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling. Saya merasakan satu perkara yang sangat bijak yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan kerana sangat mengambil perhatian dalam kesulitan yang dihadapi oleh rakyat dalam masalah ini. Kita harap dengan lulusnya undang-undang ini tidak akan menjejaskan perkilangan yang ada dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini bertujuan menubuhkan Majlis Kualiti Alam Sekeliling bagi menahan dan mengawal kekotoran alam sekeliling. Saya telah bercakap di dalam Dewan ini, jadi dalam perkara ini saya patut memberikan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan sebab di masa yang lalu di kawasan-kawasan sungai telah dikotori oleh minyak dan juga sampah daripada kilang kelapa sawit dan getah. Dengan adanya kawalan ini mudah-mudahan perkara seperti ini tidak akan menjadikan kerosakan kepada ikan-ikan dan udang yang ada di sungai-sungai di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu, saya cuma hendak memberi satu perhatian ada setengah-setengah pihak dalam negara kita ini mengambil bekalan air daripada sungai itu dan diedarkan ke bandar-bandar, dengan adanya Rang Undang-undang ini mudah-mudahan air yang akan sampai ke bandar itu tidak akan memberi mudarat kepada manusia yang meminumnya.

Satu perkara yang menjadi kebiasaan manusia ialah mencampakkan kekotoran dan sampah di bandar-bandar dan juga di pekan-pekan ke parit-parit. Saya berharap bahawa Majlis ini juga akan mengambil tindakan bersama dengan Majlis-majlis tempatan dan Bandaran. Selain daripada pencemaran asap dan habuk sebagaimana

yang dikatakan oleh rakan-rakan sejawat saya tadi, selain daripada kilang, kenderaan juga yang melalui bandar-bandar telah mengeluarkan asap yang mengganggu kebersihan alam dan merosakkan ketenteraman manusia yang duduk di situ. Kita harap Kementerian ini akan bekerjasama dengan Menteri Perhubungan supaya tidak ada dalam negara kita ini kenderaan-kenderaan yang mengeluarkan asap yang begitu gelap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang ini saya harap dapat juga diberikan perhatian terutama sekali yang ada kaitan dengan alam sekeliling iaitu keadaan tanah runtuh. Tanah runtuh ini mendatangkan bahaya kepada rakyat dan juga mendatangkan maut bagaimana yang kita tahu baru-baru ini berlaku di Perak dan di mana-mana tempat. Kita khuatir manusia-manusia yang duduk di kawasan-kawasan ini, dengan sebab keadaan alam ini tidak begitu teguh waktu hujan dan banjir menjadi runtuh. Saya harap Kerajaan akan membuat satu kajian dan menyasat di mana ada manusia-manusia ini duduk di kawasan-kawasan yang difikirkan tanahnya akan runtuh supaya dipindahkan mereka ke kawasan yang selamat. Manusia yang duduk di tempat itu pernah minta tanah kepada Kerajaan di tempat yang selamat, tetapi malangnya permintaan mereka itu tidak mendapat perhatian. Dengan keadaan bumi runtuh itu akan menyiksa hidup mereka.

Selain daripada tanah runtuh juga dalam negara kita ini pesat dengan pembangunan, maka banyak pecah batu dilakukan. Ini juga selalu menyiksa manusia-manusia yang berhampiran dengan kawasan itu. Saya harap kalau ada kawasan-kawasan itu yang didiami oleh manusia patut pihak yang mengusahakan itu samada Kerajaan atau swasta memindahkan manusia ini supaya selamat daripada diancam oleh batu itu apabila dipecahkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu kesalahan yang patut difikirkan oleh Kementerian ini berhubung dengan manusia-manusia yang menuba meracun ke dalam sungai dan tasik dengan tujuan mendapatkan ikan. Ini memang berlaku di dalam negara kita. Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita akan dapat memberi hukuman yang seadilnya kepada manusia itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya fikir patut saya hendak bertanya kepada pihak Menteri yang berkenaan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini adakah diberikan kuat-kuasa mengawal kekotoran sampah, tunggul kayu, tong minyak di Selat Melaka, yang mungkin satu masa kelak kawasan Selat Melaka itu akan kita miliki dalam kawasan 12 batu. Masaalah itu juga patut diberi perhatian memandangkan betapa sempitnya perairan Selat Melaka yang sentiasa dipenuhi oleh kapal-kapal dagang dan patut kita dapat kerjasama daripada Kerajaan Indonesia dan Kerajaan Singapura bagi mengatasi masaalah ini.

5.28 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sepatah dua dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan dalam Dewan ini, pada hari ini.

Saya percaya dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, Insya Allah kita akan dapat memelihara kesihatan rakyat di dalam negara ini dan juga kita dapat menyusun perkembangan ekonomi dalam negara kita pada masa yang akan datang. Banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini di waktu menyokong Rang Undang-undang ini dan telah memberi syor-syor kepada Menteri yang berkenaan untuk tujuan dan maksud Rang Undang-undang ini dibentangkan. Tetapi, saya berharap janganlah pihak yang berkenaan atau Menteri yang berkenaan ataupun Jawatankuasa berkenaan cuma menitikberatkan minyak tumpah di laut, asap penuh di ruang angkasa dan bunyi-bunyi bising di lapangan terbang (airport) sahaja, bahkan mestilah melihat kepada estet-estet sama, dan juga di jalan-jalan raya. Kalau Menteri yang berkenaan melawat Alor Star pada waktu malam haruslah beliau akan berjumpa dengan suatu bau yang saya rasa amatlah mendukacitakan, lebih-lebih lagi bagi orang-orang yang duduk di tepi jalan. Bau ini, kalau tidak silap saya, bau ikan busuk ataupun ikan baja.

Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini mestilah dibuat satu peraturan supaya baja-baja busuk yang akan dibawa dengan lori, lori itu mestilah dibuat seolah-olah benda itu duduk dalam peti besi

(Peti ice) dia tidak boleh keluar bau-baunya. Bau-bau ini, saya rasa akan membawa penyakit boleh jadi penyakit yang orang Melayu kata resdong, dia makan hidong, kalau lama lagi kita biarkan, hidong rakyat kita ini akan jatuh keseluruhannya.

Yang kedua, soal air getah. Kalau kita datang ke estet-estet getah apabila dipotong dan hendak dibekukan maka digunakan air, ini amatlah busuk turun mengikut saluran dan setengah-setengahnya turun ke kampung-kampung dan ini membawa busuk dan merbahaya kepada kesihatan penduduk-penduduk khasnya penduduk-penduduk luar bandar.

Yang ketiga, khasnya bagi negeri Kedah sebagai negeri kilang-padi, yang mempunyai banyak kilang-kilang padi. Kilang-padi mengeluarkan suatu habuk yang amat merbahayakan kepada kulit-kulit manusia. Kalau terkena habuk kilang, boleh jadi akan menjangkit kudis buta. Saya takut kudis buta ini akan menjadi kudis celek dan ini memanglah merbahaya. Perkara ini saya berharap mendapat perhatian daripada Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu peraturan yang keras kepada pihak-pihak pengilang besar dan pengilang-pengilang kecil untuk menjaga dan untuk menyelamatkan kesihatan rakyat.

Akhir sekali, di samping melaksanakan Rang Undang-undang ini mestilah jangan lupa bahawa kita berharap negeri kita ini menjadi sebuah negara perusahaan yang banyak kilang-kilang tetapi kilang yang tidak membawa bahaya kepada orangramai. Saya teringat dua tiga bulan dahulu saya terbaca dalam suratkhbar sebuah kampung kalau tidak silap saya dekat Padang Kapal terbang di London sana yang katanya terlampau bising. Kapal terbang selalu sahaja turun naik, orang-orang yang duduk di situ hendak jual rumah-rumahnya, tetapi sebaliknya bila kita berfikir, kalau dia hendak jual, siapa hendak beli, takkanlah manusia yang lain ingin bising. Manusia tidak mahu bising. Dia hendak jual kepada manusia yang tak mahu bising, mereka tak mahu beli dan begitulah sebaliknya. Saya takut Lapangan terbang Subang kita ini pun samalah begitu juga, mereka yang duduk di Subang semuanya tidak mahu duduk di situ. Saya berharap dengan ujudnya atau dengan kelulusan Undang-undang ini akan dapatlah menye-

latkan segala-segalanya demi kepentingan perkembangan ekonomi negara dan kesihatan sekelian penduduk-penduduk negeri kita.

6.06 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban Timur): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian dalam perbahasan di atas Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, Honourable Members of the House have made quite a number of points on this subject and I do not wish to repeat what they have already said, but I would like to emphasise a few points here about protection of the environment.

Mr Speaker, Sir, we have very good examples of pollution in this country of which everybody is quite aware—of two major valleys in this country which are grossly polluted: (1) the Klang Valley and (2) the Kinta Valley.

Sir, the Kinta Valley, as you all know, has been ravaged by miners for the past several decades and even today and as you pass through the Kinta Valley, you can see the ugly scars made on the countryside, all for the purpose of digging out wealth in the form of tin for this country. Well, this may have been for the benefit of the country's welfare; on the other hand, it has caused a lot of damage to the surrounding areas in the Kinta Valley. I think this is a matter which is of great concern and should be rectified by the authorities concerned, to see that in future should there be any scarring of the countryside the people responsible should also make due reparations to see that the environment is restored as far as possible to its former state.

As for the Klang Valley is concerned, it is grossly polluted by industrialisation and also by the abuses of the environment, by people themselves, in the form of over-usage of vehicles, cars, and other discharges. As we come to Kuala Lumpur from the South, should we stop and pause at Templer Hospital, we can see a thick smog hanging over the whole of Kuala Lumpur area and stretching into Petaling Jaya and way beyond. This, Mr Speaker, Sir, is a matter of great concern because this smog, as you know, will cause quite a good number of complaints in the form of sickness among the people and

will undermine the health of the Kuala Lumpur residents and the people who stay in Petaling Jaya and beyond. Therefore, I think in future while the setting up of industries are taken into consideration by authorities, it is about time that they also considered the overall planning over the siting of industrial estates in the Klang Valley to ensure that discharges from industries and factories will be able to float or blown away by prevailing currents of air.

Another two instances of polluted environment, Mr Speaker, Sir, are the rivers of Pahang and the rivers of Klang. Klang River, as we have been informed, is highly polluted because there is a dense mass of population residing along the river right up to the sea in the Straits of Malacca.

Regarding Pahang River, it is also grossly polluted, not so much by industrialisation as by the opening up of new land for development. This is necessary, I believe, because we have to have natural resources in the form of palm-oil and rubber, but at the same time care must be taken by authorities like FELDA and even private developers, to see that while they develop large tracts of land through bulldozing and with the naked earth subject to sun, wind and the rain, they must also try to conserve as much of the land as possible and to prevent soil erosion. The Pahang River is now grossly silted right from its tributaries down to its mouth where there is a big sand bank, and as you know, the great floods of 1971 is an example of how human abuse of the rivers can cause a lot of problems for the people. Mr Speaker, Sir, I have pointed our certain examples of pollution to stress the necessity of this Bill.

I would also like to point out to the authors of this Bill that if their objective is to protect the environment, they should also have included an objective to conserve the natural resources of this country, because, Mr Speaker, Sir, in the past the population of the world had been rather small comparatively and we could use up quite a lot of resources without much problem, but now, with the danger of over-population—it is not in a matter of one decade or so, but probably in three or four decades, where even Malaysia's population may be doubled, the problem of conservation of resources will become a very important matter demanding consideration. Therefore, Mr

Speaker, Sir, I think the future of the younger generation will depend largely on how this Bill is handled and on whether this Bill can be enforced by its officers. Although there may not be the necessity so much now to enforce this Bill because we are not suffering as much pollution as countries like Japan and America, but, nevertheless, to prevent such a situation developing, I think the Ministry should consider setting up a special Chair on Ecology in the University of Malaya, or one of the universities, to make a special study of the particular environment that is present in Malaysia, to preserve the environment as well as conserve natural resources. The study of ecology should also be made a special subject in our schools to educate our children, the future generation, on the importance of preserving the environment and also conserving our resources. Therefore, I think, on this Council which the Ministry suggested, besides all those members listed there, they should also include a member who should be a professional ecologist to advise this Council on details in matters concerning ecology.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat pendekkan sedikit ucapannya. Kita telah panjang berbahas atas perkara ini.

6.13 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengalukan Rang Undang-undang ini. Bagi kami di Negeri Sarawak adalah berharap dengan adanya Rang Undang-undang ini akan dapat menjaga segala kebersihan alam sekeliling. Misalnya di sungai-sungai yang mana kilang-kilang papan dibuat di tepi sungai di Negeri Sarawak. Tidak sesuka hati membuat kekotoran daripada segala serpihan atau habok papan ke dalam sungai, lebih-lebih lagi seperti serpihan dan habok kayu ramin yang telah diberi ubat untuk menahan kayu itu daripada serangga-serangga yang boleh merosakkan kayu-kayu itu, yang saya rasa ubat atau racun serangga yang digunakan itu mungkin merbahaya kepada manusia atau makhluk seperti ikan yang hidup di air serta menambah kekotoran dan merosakkan kebersihan sungai-sungai itu.

Keduanya, kayu-kayu balak yang diberi ubat seperti itu biasanya dibawa melalui sungai-sungai dan ada juga terdapat tempat bekerja balak di hulu sungai di mana terdapat orang-orang yang tinggal berhampiran di situ yang biasanya menggunakan air sungai itu sebagai air minum dan sebagainya. Oleh itu, saya rasa perkara ini harus diberi perhatian oleh Kementerian yang berkenaan.

Ketiganya, berkenaan dengan perkara balak-balak yang hendak dibawa ke laut (open sea) apabila berjumpa, nasib tidak baik rakit itu pecah disebabkan gelombang dan kelazimannya balak-balak itu ada yang tersangkut di kuala-kuala sungai yang boleh memberi bahaya kepada kapal-kapal atau bot-bot serta perahu-perahu yang mengguna di kuala sungai itu di waktu malam dan balak itu tidak begitu terang nampaknya di muka air. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya syorkan segala balak yang tinggal tidak boleh bergerak di kuala-kuala sungai yang menjadi merbahaya kepada lalu-lintas di situ harusnya ditarik balik dari situ oleh yang empunya ataupun syarikat yang berkenaan supaya tidak menjadi gangguan atau kesusahan kepada orang-orang lain yang mengguna di kawasan itu.

6.16 ptg.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit sahaja hendak mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang ini.

Di dalam memberi sokongan terhadap cara-cara Kerajaan menghadapi perkara pollution ini dan dari banyak bahasan yang dihamburkan oleh rakan-rakan saya, saya berharap supaya Jawatankuasa yang menimbangkan itu akan menjalankan usahanya dalam perkara ini tidak melibatkan pelabur-pelabur modal atau pedagang-pedagang luar, yang menanam modal dan mengadakan beberapa perusahaan di negeri kita ini. Jikalau kita dengar kemungkinan daripada cadangan-cadangan yang diadakan dalam Dewan ini, saya takut pedagang-pedagang dan pemodal luar tidak akan berani masuk ke negeri kita hendak melaburkan modal-modalnya. Dengan itu dalam cara menyatakan satu-satu perkara pollution saya befikir hendaklah kita berdasarkan kepada kenyataan yang lampau. Adakah satu-satu pollution atau perkara-

perkara yang boleh merosakkan kesihatan dengan adanya dasar-dasar kenyataan maka dengan perkara itu kita patut mengambil berat. Dengan cara ini, rasa saya tidaklah akan menakutkan segala industri-industri yang akan datang di negeri ini.

Begitu juga dengan cara menjalankan usaha oleh Jawatankuasa ini hendaklah perkara itu dapat dijalankan dengan secepatnya dan tidak akan melambatkan satu-satu perusahaan yang hendak didirikan perusahaannya atas kelambatan memberi kelulusannya. Saya ada pengalaman dalam perkara ini, mendirikan beberapa buah kilang, oleh sebab menimbangkan pollution ini mengambil masa yang begitu lama yang menyebabkan mungkin pemodal-pemodal ini berasa bosan dan tidak akan melaburkan modal ke tempat ini. Dengan itu, saya sungguhpun bersama-sama rakan saya bersetuju pada dasarnya akan menjaga pollution ini tetapi berharap kepada Jawatankuasa ini menimbangkan dengan sehalus-halusnya jangan menyebabkan kemerosotan pendirian industri-industri dalam negeri ini, kerana kita mengharapkan perusahaan-perusahaan besar untuk meninggikan taraf hidup kita. Kita telah perhatikan semenjak beberapa tahun ini dengan adanya perusahaan-perusahaan dengan modal-modal luar negeri, maka taraf hidup kita telah meningkat lebih tinggi. Dan daripada kenyataan-kenyataan yang benar pula iaitu daripada pollution ini tidak banyak menyebabkan kematian dan kesusahan-kesusahan dalam negeri ini. Dengan itu saya berharap pandangan saya ini dapat perhatian berat.

6.19 ptg.

Tuan Michael Chen Wing Sum: (Dengan izin) Sir, this is a new but controversial Bill. I am glad that it has received attention and great concern from so many Honourable Members. I am confident that with the co-operation from all the Honourable Members and members of the public, the implementation of this Bill will be successful. I will not at this stage, Sir, make any comment on the observations made by the Honourable Members, but I have certainly taken note of them. However, I shall welcome any further constructive suggestions from the Honourable Members both from this side of the House and from the Opposition in future.

I fully understand, Sir, my functions and responsibility, and I also fully realise the difficult task lying ahead of me in solving the environmental problems. I can assure Honourable Members in this House that my officers and I shall carry out the mandate and the work conferred on us by this Bill conscientiously, without fear or favour. Should there be any necessity to amend any part of this Bill in order to make it more effective, I shall not hesitate to do so. Thank you, Sir.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 51 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.23 *ptg.*

Setiasaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Ekonomi Desa (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita membentangkan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang, 1973.

Tujuan Rang Undang-undang Pindaan ini adalah hendak meminda Seksyen 32 kepada Akta Pertubuhan Peladang, 1973 bagi membolehkan pendaftaran Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian selepas mula berkuat-kuasa Akta yang berkenaan. Mengikut seksyen ini sebagaimana yang didapati sekarang Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian tidak boleh didaftarkan di bawah Undang-undang Ko-operatif yang ada apabila Akta ini dimulakan

kuat-kuasanya. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah menjadi dasar Kerajaan hendak menggalakkan perkembangan dan kemajuan gerakan kerjasama, terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah selaras dengan konsep Gerakan Pembaruan dan juga cita-cita Kerajaan hendak melihat rakyat luar bandar menjalankan usaha-usaha mereka dengan penuh semangat berdikari. Dengan kerana kesilapan yang tidak sengaja, maka dasar Kerajaan hendak menggalakkan perkembangan dan kemajuan gerakan kerjasama telah tidak dirakamkan dengan sebetulnya di dalam seksyen 32B di dalam Akta Pertubuhan Peladang, 1973 itu.

Kerajaan memang hendak menggalakkan pendaftaran Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian, tetapi dengan syarat bahawa mereka itu hendaklah menjadi yunit-yunit kepada Pertubuhan Peladang kawasan yang berkenaan. Ini bermakna bahawa pendaftaran Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian yang baru akan dipertimbangkan setelah ditentukan peranan mereka itu sebagai yunit ahli kepada Pertubuhan Peladang yang berkenaan. Syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian itu biarpun mereka menjadi yunit-yunit kepada Pertubuhan Peladang akan terus bergerak sebagai syarikat-syarikat kerjasama. Oleh hal yang demikian, adalah dicadangkan supaya seksyen 32 di pinda selaras dengan dasar Kerajaan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita membentangkan Rang Undang-undang ini bagi bacaan kali yang kedua.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.26 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi dengan sedikit teguran. Saya memang mengalu-alukan supaya syarikat kerjasama terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, syarikat kerjasama bagi pemasaran tanaman orang-orang kampung. Saya telah bercakap dua tiga hari yang lalu berkenaan dengan pemasaran.

Enam belas tahun selepas kita mencapai kemerdekaan—16 tahun lamanya, tetapi kehidupan orang-orang kampung kita, terutama sekali orang-orang Melayu tidak ada banyak berubah. Walaupun kita ada mempunyai jalanraya yang elok, paip air, letrik dan lain-lain, tetapi cuba kita lihat keadaan di kampung.

Misalnya, di Kuala Selangor seorang Melayu mempunyai dua tiga ekar tanah, mempunyai satu dua ekar kebun getah atau 2 ekar kebun kopi. Hasil daripada kopi mereka ini tidak dapat dijual, kalau dijual pun dengan jualan yang cukup murah. Misalnya, satu tin minyak gas kopi dijual dengan harga \$2, dahulu daripada ini \$1 atau 80 sen. Upah memetik pun orang kampung susah, ini pula harta dia sendiri, ditanam berpuluh tahun dahulu dengan titik-peluhnya, kemudian hasil-hasil itu tidak memadai langsung kepada orang-orang kita yang duduk di kampung. Jadi 16 tahun lamanya terbiar segala cucuk tanam orang kampung tidak ada pemasarannya. Sungguhpun ada Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab mengatakan hendak meninggikan taraf hidup orang kampung, tetapi FAMA dan lain-lain mengambil satu-satu misalnya nenas.

Soalnya pada hari ini cuba kita tengok, nenas yang ada di Kelang. Orang-orang kampung sekarang sudah marah, sebab tidak dapat memasarkan nenasnya. Buah nenas ini tidak lama lagi akan busuk, sebab ada 2,000-3,000 ekar orang kampung tanam nenas di Kelang tidak dapat dijual kerana tidak ada pemasaran.

Ada sebuah kilang nenas di dalam pekan Kelang, kilang nenas itu sudah tutup. Apabila tutup sahaja kilang nenas di sana di mana orang kampung akan menjualkan nenasnya. Kalau hendak jual ke Johor, perbelanjaan pengangkutannya banyak, jadi sia-sia tenaga orang kampung. Nenas mereka akan busuk dan apabila busuk maka tentulah kerugian yang cukup besar kepada penduduk-penduduk kita terutama sekali di luarbandar.

Saya harap, kajian terhadap pemasaran ini adalah penting, bukan sahaja kita hendak menubuhkan kilang di sana dan kilang di sini, atau untuk kaum-kaum modal dan sebagainya, untuk kaum-kaum bumiputra yang berniaga, tetapi juga kita mesti mementingkan kepada kaum-kaum yang bumiputra dan yang bukan bumiputra yang di luarbandar

kerana pemasaran ini adalah penting sekali saya nampak oleh kerana apabila kita pergi melihat di Negeri Jepun ataupun di Taiwan beres pemasaran-pemasaran. Kalau mereka ini menanam kacang, sudah tetap kacang itu laku. Berapa banyak pun ditanam sudah tentu kacang ini laku. Di satu kampung itu sudah tetap ada pasarannya. Dibawa di sini diberi sekeping surat, katanya kacang lima kati, lima kati akan diambil.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu tujukan perbahasan atas apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini sahaja. Jangan merayau pergi ke semua berkenaan Akta Pertubuhan Peladang itu—tentu akan mengambil masa yang panjang, tidak bersangkutan dengan Rang Undang-undang ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Dengan adanya pendaftaran syarikat-syarikat kerjasama ini, saya ingat sedikit-sebanyak berkenaan dengan pemasaran oleh kerana syarikat kerjasama di kampung-kampung bukan sahaja syarikat kerjasama mati/hidup, ada syarikat kerjasama yang mati, orang Melayu asalkan mati sahaja masuk syarikat kerjasama supaya besok boleh membeli kain kapan, itu sahaja, tetapi saya fikir yang penting sekali syarikat kerjasama serbaguna untuk pemasaran-pemasaran ini. Itu sebabnya saya masukkan berkenaan dengan pemasaran tadi kerana perkara ini adalah penting.

Dengan sebab itu, Kerajaan mestilah memikirkan di atas perkara ini oleh kerana jikalau sekiranya hendak meninggikan taraf hidup orang-orang kita di kampung-kampung, baikpun petani-petani ataupun nelayan-nelayan kita. Saya tidak hendak mengambil masa panjang oleh kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap di atas perkara ini, tetapi yang saya tegaskan ialah kehidupan rakyat pada hari yang akan datang, yang duduk di kampung-kampung hendaklah dibela dan belaan ini datangnya daripada Kementerian yang bertanggungjawab bukan sahaja dikatakan akan dibuat, akan dibuat dan Persatuan Peladang itu dan ini, tetapi sudah 16 tahun rakyat di kampung menanti belum juga datang lagi; belum juga dapat hasilnya dan tanamannya itu dijual dengan had harga yang patut.

6.33 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua saya suka bercakap

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Diminta ingat pesanan saya tadi. Maksudnya ditujukan perbincangan kepada apa yang ada dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini, samada bersetuju atau tidak bersetuju.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pindaan ini bagi membolehkan syarikat kerjasama berada di bawah Persatuan Peladang. Cuma yang saya hendak sebutkan di sini ialah yunit-yunit Persatuan Peladang yang ada di bawah perkataan ini.

Tentang yunit-yunit Persatuan Peladang ini, saya nampak kurang cergas, perlaksanaannya sekarang ini kurang cergas sebab apa yang saya tahu keadaan-keadaan di satu daerah itu hanya tiga buah kampung sahaja yang dibenarkan untuk menubuhkan unit Persatuan Peladang yang di bawahnya merupakan syarikat kerjasama, insya Allah akan dibuat oleh persatuan ini. Saya kira kalaulah di satu daerah ataupun sebuah negeri itu banyak yang terdiri daripada peladang-peladang seboleh-bolehnya saya minta supaya cepatkan penubuhan unit itu di peringkat-peringkat kampung, jangan sampai dua tahun kita jalankan Persatuan Peladang, hanya dalam sebuah daerah hanya dua buah kampung sahaja, yang ditubuhkan yunit Persatuan Peladang. Sepatutnya dalam dua tahun itu sudah semua tiap-tiap mukim itu ada yunit-yunit Persatuan Peladang yang dicantumkan sebuah daerah dan untuk membolehkan cara-cara pasaran dan sebagainya dijalankan dengan lebih lancar.

6.35 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'fid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang suatu Akta bagi meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973.

Saya masih ingat lagi, pada tahun 1967, iaitu sewaktu Rang Undang-undang Persatuan Peladang dibentangkan untuk diluluskan saya telahpun membangkitkan peranan syarikat kerjasama di luar bandar yang mana saya telah menyebutkan patut

dikaji sama-sama dengan penubuhan Persatuan Peladang di waktu itu. Manakala Persatuan Peladang berjalan daripada tahun 1968 baharulah timbul masalah, iaitu gerakan syarikat kerjasama tertinggal ke belakang dan Alhamdulillah kesedaran sudah timbul pada masa ini, Rang Undang-undang ini dipinda supaya membolehkan syarikat kerjasama yang berasaskan kepada pertanian menjadi sebagai sebuah yunit kepada Pertubuhan Peladang ataupun Pusat Kemajuan Pertanian Kawasan bersama-sama dengan yunit Persatuan Peladang yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan beberapa perkara yang harus menjadi beberapa masalah ataupun kesulitan untuk hendak mengiktiraf yunit-yunit kepada syarikat-syarikat kerjasama ini sebagai yunit kepada Pusat Kemajuan Pertanian yang kita adakan sekarang ini.

Yang pertama sekali ialah berkenaan dengan masalah ahli-ahli syarikat kerjasama berhutang kepada syarikat yang boleh dikatakan ada di antaranya hutang lapuk.

Yang kedua, berkenaan dengan syarikat itu berhutang kepada Bank Pusat misalnya, ataupun daripada pihak-pihak yang lain.

Yang ketiga, masalah ahli yang tidak bayar yuran dan masalah syarikat-syarikat yang tidak bergerak. Ini adalah menjadi satu masalah yang sangat mustahak diselesaikan dahulu sebelum diterima menjadi sebagai yunit kepada Pusat Kemajuan Pertanian. Jikalau tidak diselesaikan masalah ini dahulu, harus akan berbangkit beberapa kesulitan pada hari yang kemudian kelak.

Saya mengesyorkan supaya pihak Kerajaan kalau boleh mengadakan satu undang-undang khas membolehkan Kerajaan membubarkan syarikat kerjasama yang kita kata insolvent, yang tidak boleh menyelesaikan masalahnya dan tubuhkan yunit baharu dengan tiap-tiap ahli membeli satu saham sebanyak \$5 sahaja dan yuran masuknya sebanyak \$2. Ini dapatlah membolehkan ahli syarikat yang lama itu menjadi sebagai yunit baharu dan boleh diterima sebagai sebuah yunit kepada Pusat Kemajuan Pertanian Kawasan.

Yang kedua ialah berkenaan dengan yunit. Di dalam sebuah kampung ada sebuah syarikat kerjasama dan kita ada yunit Persatuan Peladang sekarang ini. Kalaulah dalam kampung itu kita adakan dua yunit ini akan

menimbulkan satu masalah juga. Saya berharap pihak Pengarah akan mengkaji supaya dapat disatukan yunit yang di dalam kampung itu supaya dapat diadakan satu yunit sahaja.

Yang ketiga, saya mengalu-alukanlah ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Ekonomi Desa yang mengatakan bahawa beliau akan menukarkan nama Pertubuhan Peladang kepada Kooperatif Peladang. Saya menjangkakan akan dibawa pindaan ini. Saya harap tidak lama lagi akan dibawa satu pindaan yang merupakan pindaan yang sesuai yang saya syorkan pada masa dahulu iaitu Pertubuhan Kooperatif Peladang ataupun Farmers Co-operative Organisation. Ini akan menjadi satu pertubuhan yang besar yang meliputi seluruh negara kita dan akan menarik lagi peladang-peladang yang di luar pagar itu supaya mereka dapat menjadi ahli kepada tiap-tiap yunit yang ada pada masa sekarang ini.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan yang telahpun memperuntukkan wang lebih kepada Persatuan Peladang dan saya berharap dengan adanya peruntukan itu dapatlah dimajukan rancangan-rancangan ataupun tujuan-tujuan sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-undang ini demi kebaikan dan kemajuan petani-petani kita yang jauh ketinggalan ke belakang, khasnya saya berharap rancangan yang mula sekali, yang patut diadakan sebagaimana yang dirangkakan itu diadakan pasar borong di tiap-tiap bandar dan bandar yang besar-besar itu diadakan pasar borong yang besar; semua hasil-hasil pertanian daripada petani sendiri dibawa ke pasar borong ini dan dijual terus oleh organisasi Persatuan Peladang sendiri kepada pengguna bahan-bahan makanan. Dengan ini dapatlah pihak peladang ini memainkan satu peranan mengawal harga pemasaran tanpa melalui orang-tengah yang tidak bertanggung-jawab mengambil untung yang berlebih-lebihan daripada yang patut. Saya lagi sekali menyokong pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri.

6.41 ptg.

Datuk Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya

bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan ini. Sungguhpun begitu ada satu perkara yang saya berasa musykil sedikit yang patut diberi penjelasan. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini bermaknalah syarikat kerjasama yang telah didaftar di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama Tahun 1948 akan pula didaftarkan sebagai satu yunit Persatuan Peladang mengikut Rang Undang-undang yang dikemukakan ini.

Sekarang, ada satu Bank Kerjasama yang berasaskan kepada pertanian. Beratus-ratus syarikat kerjasama menjadi ahli bank ini. Modalnya bank ini sudah meningkat berpuluh-puluh juta ringgit dan cawangan-cawangannya yang besar ditubuhkan di seluruh negara kita dan sekarang lagi satu bangunan yang besar yang tingginya lebih kurang 20 tingkat sedang dibina di Ibu Kota untuk bank kerjasama ini. Maka dengan kelulusan Rang Undang-undang ini bermaknalah Bank Kerjasama yang besar dan maju ini terpaksa menjadi satu yunit ahli Persatuan Peladang yang kecil dan lemah. Soalnya, adakah perbuatan ini menasabah? Saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan.

6.44 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) ini.

Saya cuma hendak bercakap sedikit sahaja iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang yang kita hendak luluskan dalam Dewan ini dengan tujuannya supaya diselaraskan dengan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian. Syarikat yang tidak berasaskan pertanian dikecualikan, hiduplah seperti asal menurut fahaman saya. Kalau Lembaga Pertubuhan Peladang ini hendak berjalan dengan licin dan kemas serta memberi faedah kepada peladang di antara perkara yang saya fikir patut Lembaga ini tambahkan iaitu Pakar-pakar Ekonomi, Pakar Pemasaran dan Penasihat Undang-undang.

Yang saya maksudkan, cuma hendak diadakan pada peringkat kebangsaan dan peringkat negeri sahaja bila mana kita hendak melaksanakan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini kelak kerap kita menemui berbagai-bagai masalah menyebabkan kebuntuan dan tak dapat berjalan dan kadangkalanya berkehendakkan

nasihat undang-undang. Dengan adanya kita masukkan pakar-pakar yang saya sebutkan ini akan dapat melicinkan pertubuhan kita yang baik ini.

Selain daripada itu, Lembaga Pertubuhan Peladang ini hendaklah mengubah fikiran peladang dan petani kita sebab setengah-setengah petani kita, masih lagi mengutamakan kebendaan dan sesuatu yang cepat yang mereka dapat dan mereka tak suka bila menerima sesuatu perkara dengan cerewet. Dengan sebab itu mereka lari daripada Lembaga Pertubuhan Peladang ini dan menghadapi orang-orang tengah. Dengan keadaan yang macam ini, akan menjejaskan matlamat pertubuhan ini.

Selain daripada itu juga. Pegawai-pegawai Lembaga Pertubuhan Peladang ini juga hendaklah mempunyai satu sifat yang boleh menyesuaikan dirinya dengan peladang-peladang kita. Dengan keadaan ini supaya pertubuhan ini dapat diterima oleh rakyat. Jangan hendaknya oleh sebab badan ini Badan Separuh Kerajaan, badan yang berkanun, tidak moleklah mereka menjadikan dirinya sebagai pegawai Kerajaan. Adalah lebih baik menyesuaikan diri dengan keadaan sesuatu tempat yang kita berkehendakkan supaya peladang itu menyokong kita.

Tuan Yang di-Pertua, menurut hemah saya lagi Lembaga ini hendaklah mengawasi dengan cermat bahan-bahan yang disalurkan oleh Kerajaan samada subsidi atau kemudahan-kemudahan yang tertentu yang boleh mengambil faedah daripadanya oleh peladang-peladang kita. Jangan hendaknya dijualkan kepada kaum-kaum modal atau orang-tengah yang berani membeli barang-barang daripada Lembaga Pertubuhan Peladang dengan mahal.

Saya memberi contohkan bahawa pada masa sekarang Persatuan Peladang telah diberi kuasa menjual cuka getah, tetapi malangnya cuka getah kita hendak sampai kepada peladang ini setengah-setengah daripada Pengurus Besar Persatuan Peladang itu dia ringsa menunggu jualan yang lama berdikit-dikit mereka jualkan kepada kaum modal. Bila kaum modal ini membeli dengan harga yang lebih mahal, setelah itu kaum modal ini akan sampaikan kepada peladang kita yang akan menerima harga

yang lebih tinggi daripada apa yang ada sekarang. Masalah ini, patutlah difikirkan demi kepentingan pertubuhan ini.

6.47 ptg.

Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan Rang Undang-undang ini.

Saya menyokong oleh kerana apa yang saya dapat faham daripada Rang Undang-undang ini bahawa perselisihan di antara Pertubuhan Peladang dengan syarikat kerjasama berasaskan pertanian ini, *insya Allah* akan hilang oleh kerana syarikat kerjasama berasaskan pertanian ini, saya fikir dia lebih tua daripada Persatuan Peladang, apabila kita luluskan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang baru-baru ini jadi perebutan tempat, perebutan tapak di antara syarikat kerjasama dengan Pertubuhan Peladang. Ini telah berbangkit di antara satu sama lain. Kalau tak silap saya nama di antara syarikat kerjasama dengan Persatuan Peladang pun tak dapat diselesaikan dan saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini, *insya Allah* benda itu akan dapat diselaraskan.

Yang keduanya, kalau tak silap saya di waktu membahaskan Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang ini saya telah mengesyorkan supaya keahlian Pertubuhan Peladang ini diwajibkan (compulsory) walaupun tidak boleh kita mewajibkan, tetapi kita mesti berusaha supaya seluruh ahli peladang ini, petani-petani ini menjadi ahli di dalam pertubuhan ini. Dengan itu rasa sayang, rasa cinta, rasa kerjasama di antara peladang-peladang itu dengan Pertubuhan Peladang ini akan dapat kita kekalkan dan akan dapat kita majukan. Oleh kerana apa yang saya dapat tahu bahawa peladang-peladang itu tak merasai yang Pertubuhan Peladang ini mereka punya. Oleh kerana itu, maka timbulah beberapa perkara yang kita bersama membaca (kelmarin dahulu) kita dengar di Krian, bahawa peladang-peladang di sana tak ingin bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang, mereka suka ambil orang swasta lain untuk tempat dia mendapat baja, menjual padi dan beras. Ini katanya oleh kerana salah perlaksanaannya ataupun salah pegawai-pegawai yang kita harap untuk menjalankan polisi kita ini dia berlagak semacam orang melagak. Dia tak ingin

mendampingkan dirinya dengan peladang-peladang. Kalau kita ingin memperbaiki nasib peladang dengan perantaraan Pertubuhan Peladang ini kita mestilah berusaha mendesak pegawai-pegawai kita ataupun Menteri supaya orang itu benar-benar jujur, ikhlas dan ada cita-cita untuk menolong peladang-peladang.

6.50 ptg.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk memberi sokongan kepada Kerajaan yang telah mengemukakan suatu Akta meminda Akta Pertubuhan Peladang, 1973 yang membolehkan syarikat-syarikat kerjasama yang berasaskan kepada pertanian menjadi yunit kepada Pertubuhan Peladang.

Saya rasa amat bertuah sekali pada hari ini, kerana melihat kepada ahli-ahli yang bercakap di dalam Dewan ini semuanya telah memberi sokongan kepada Pertubuhan Peladang dan telah menyuarakan harapan masing-masing supaya Pertubuhan Peladang ini dapat berjalan dengan baik dan lancar. Sesungguhnya, seperti yang kita sedia maklum bahawa kepada Pertubuhan Peladang ini telah diberi satu tugas yang paling besar iaitu melebihi hasil pertanian di dalam negeri ini. Kalau selama ini hasil pertanian khususnya masalah padi dan beras kita hanya meletakkan target kita kepada 90%, tetapi mengikut arahan yang telah diberi kepada Pertubuhan Peladang ini target kita melebihi daripada 100%. Ini adalah merupakan suatu tanggungjawab yang amat besar yang ditugaskan kepada Pertubuhan Peladang ini.

Yang kedua, apabila difikirkan, seperti yang telah diterangkan oleh sahabat saya dari Kubang Pasu Barat yang baharu bercakap sebentar tadi bahawa selama ini ada sedikit perselisihan setelah ditubuh atau diluluskan undang-undang Pertubuhan Peladang kerana hanya satu syarikat yang berasaskan pertanian, maka dengan pindaan ini memberi suatu jalan kepada Pertubuhan Peladang dapat berjalan dengan baik dan tidak ada lagi sesama petani.

Satu perkara lagi yang lebih menggembirakan lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau selama ini Pertubuhan Peladang duduk di bawah satu Kementerian yang lain dan syarikat kerjasama duduk di bawah satu Kementerian

yang lain, dan inilah menjadi punca tarik antara satu dengan yang lain, pada hari ini kedua-dua ini terletak di bawah satu Kementerian, maka ini akan lebih mudah lagi pihak Kerajaan menyatukan dan menyelaraskan perjalanan pemimpin-pemimpin yang akan bertanggungjawab kepada Pertubuhan Peladang ini. Cuma yang saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, di dalam pelancaran Pertubuhan Peladang ini satu perkara sahaja yang patut difikirkan oleh pihak Kerajaan. Selain daripada memberi tugas yang begitu besar kepada Pertubuhan Peladang, maka pihak Kerajaan juga mesti memikirkan tenaga yang hendak melaksanakan tugas atau arahan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kerana dari apa yang saya dapat faham, dari jumlah tenaga yang diperuntukkan seramai 1,200 lebih hanyalah yang dapat diberi pinjaman oleh Kerajaan Negeri sebilangan yang kecil sahaja. Jadi dengan sebab itulah saya mengambil peluang di dalam Dewan yang mulia ini meminta kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang benar-benar mempunyai keyakinan kepada Pertubuhan Peladang ini supaya apa yang diminta oleh Pertubuhan Peladang tentang peminjaman pegawai dapat diberi di dalam kadar yang bersegera supaya apa yang dibebankan kepada Pertubuhan Peladang dapat berjalan dengan baik. Saya khuatir benar, sekiranya ada masalah kurang keyakinan daripada setengah-setengah Kerajaan Negeri kepada apa yang hendak dijalankan oleh Pertubuhan Peladang ini dan dengan secara tidak langsung melambatkan pemberian pemindahan pegawai kepada Pertubuhan Peladang, maka ini akan memberatkan pegawai-pegawai yang ditugaskan kepada Pertubuhan Peladang ini untuk menyempurnakan tugasnya.

Dan satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara-perkara yang berasaskan kepada pertanian ini sudah diserahkan kepada Pertubuhan Peladang dan di dalam negeri kita ini masih ada lagi Jabatan Pertanian, saya khuatir kalau-kalau pada satu masa nanti akan ditanyakan apakah lagi tugas Jabatan Pertanian sesudah adanya Pertubuhan Peladang. Dengan sebab itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya masalah-masalah yang selama ini pernah timbul menjadi tarik antara satu dengan lain, sesudah kita membuat pindaan ini sudilah kiranya pihak Kerajaan membuat kajian, sesudah kita ada Pertubuhan Peladang, perlu

atau tidak lagi kita mempunyai suatu Jabatan yang separuh Kerajaan Negeri dan separuh Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab kepada Jabatan Pertanian. Kalau ini dapat dicari jalan, maka barangkali Perdana Menteri juga perlu memikirkan tentang kedudukan Kementerian Pertanian yang ada sekarang ini, sebab kalau sebahagian daripada tugas ini sudah diserahkan kepada Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa yang bertanggungjawab kepada Pertubuhan Peladang yang berasaskan pertanian dan syarikat kerjasama yang berasaskan pertanian dimasukkan juga sebagai yunit kepada Pertubuhan Peladang, maka saya rasa nama Kementerian Pertanian itu sudah kurang sesuai dengan adanya perubahan-perubahan seperti ini. Apakah salahnya kalau pada masa kita tubuhkan satu Kementerian Hal Ehwal Makanan yang boleh memisahkan masalah pertanian ini kepada Kementerian Pembangunan Ekonomi Desa yang Pertubuhan Peladang ada di bawahnya. Saya rasa supaya nama Kementerian Pertanian itu tidak hanya ada nama sahaja, tetapi aktiviti dijalankan oleh pihak lain. Jadi, kalau ini berlaku di dalam negara kita ini, saya rasa kurang elok namanya diletakkan di sini tetapi aktiviti yang menjalankan kerja lain pihak pula. Jadi inilah satu pandangan dan satu permintaan daripada saya secara ikhlas kepada Kerajaan dan diharap pihak Kerajaan dapat mengkaji walaupun tidak dapat menjawab di dalam Dewan ini menerima atau menolak. Apa yang saya kehendak kaji dan kaji. Jika difikirkan layak, jalankanlah.

6.57 ptg.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I have a few points to raise. The Farmers' Organisation has been set up to help the farmers to increase their agricultural production. This I strongly support. However, the Organisation should also look into the problems of the farmers who cultivate illegally in certain parts of our country, particularly so in Perak and in the Cameron Highlands.

Mr Speaker, Sir, in Cameron Highlands lately the State Government has used bulldozers to clear thousands of acres of illegal farms and this action of the Government has hurt a lot of people and has resulted in the loss of thousands of dollars in revenue by the State Government.

Mr Speaker, Sir, I hope the Farmers' Organisation can put up certain plan for the consideration of the various State Governments to assist the farmers who have no land to cultivate but who nevertheless do illegal cultivation. Mr Speaker, Sir, lately the price of vegetables in our country has gone up to quite a great extent and presumably this is because of the action of the State Government in regard to the Cameron Highlands farmers.

Mr Speaker, Sir, in Perak too, the State Government also used the bulldozers and also, in addition, used poison to destroy plants that have been illegally cultivated. This, Mr Speaker, Sir, will not only hurt the State economy, but also the economy of our country as a whole.

In time of inflation, Mr Speaker, Sir, we should encourage the people to cultivate, to do more planting and so on and so forth, but instead our various State Governments have done something contrary to what they should have done. So I hope the Federal Government and also this Farmers' Organisation can put up certain plans to alienate land to the landless farmers.

Mr Speaker, Sir, such a reformation programme has been successfully carried out in countries like Taiwan and Vietnam. Vietnam has given in the past few years 1,000,000 acres of land to the tillers i.e. the farmers.

Mr Speaker, Sir, in Vietnam, for instance, the Government there acquisitioned back the land from the absentee landlords and paid them a reasonable price for their land and then after having acquired the land, the Government in Vietnam redistributed the land to the tillers themselves. This programme has, I would say, worked very well in Vietnam and I recommend that our Government should also follow suit.

Mr Speaker, Sir, the Government at the Federal level should treat this matter as urgent because we are facing the problems of unemployment and also rising cost of living. Particularly so at a time when the inflationary trend is so great in our country, we should encourage people to use their hands to do some farming. Mr Speaker, Sir, giving land to the landless is an easy task because in Malaysia we have got plenty of land and it is to our credit that a lot of people would like to use their hands to cultivate the land

and then it would not cost the Government very much. The Government need only to survey pieces of land here and there and then allocate the land to the people to cultivate. The Government need not spend millions of dollars setting up schemes like FELDA and so on and so forth. Here, the Government need only to survey a piece of land, and then distribute the land to the landless and they in turn can help the economy of the country by selling their products to our own people and thus saving foreign exchange. In time to come we may even be able to export vegetables or rice, etc. to other countries and that, of course, will in turn gain us more foreign exchange.

7.03 mlm.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, lebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini, dan saya suka memberi jawapan ringkas.

Pertama sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang merasa risau di atas soal pemasaran pertanian. Ini memanglah menjadi perhatian berat kepada Lembaga Pertubuhan Peladang kerana di dalam menjalankan tugas, Lembaga ini bukanlah sahaja untuk memberi nasihat dan pimpinan kepada petani-petani, tetapi juga akan menjadi satu Badan Penyelaras kepada Ajensi-ajensi Kerajaan yang lain terutama sekali Ajensi-ajensi Kerajaan yang mempunyai tanggungjawab kepada petani-petani seperti FAMA dan lain-lain lagi.

Perkara yang serupa ini adalah di dalam perhatian berat Lembaga ini supaya petani-petani tidak akan menemui kegagalan di dalam menghadapi soal pemasaran ini.

Yang keduanya, Ahli Yang Berhormat dari Dungun yang tidak puas hati kerana Persatuan Peladang tidak begitu cergas, hanya sedikit sahaja patut dibanyakkan lagi. Ini saya menyokong penuh Ahli Yang Berhormat itu dan tolonglah beri penerangan sedikit kepada pengundi-pengundi dalam kawasannya, insya Allah saya percaya dengan adanya kerjasama daripada Ahli

Yang Berhormat, peladang-peladang di Kawasan Dungun itu akan dapat ditambah lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara, beliau ada menyebutkan soal yunit Syarikat Kerjasama yang berhutang kepada Bank Pertanian supaya dapat diselesaikan lebih dahulu. Ini memanglah di dalam tugas Lembaga ini untuk membuat kajian dan mengaturkan dan kuasa membubarkan Syarikat-syarikat Kerjasama ini juga memang ada di dalam kuasa Pendafiar. Oleh kerana itu tidak payahlah dibimbangkan dalam soal ini, insya Allah kita akan siasat dan kita akan kaji mana yang patut, kita bubarkan, dan mana yang patut kita satukan supaya Syarikat-syarikat Kerjasama itu memberi faedah benar-benar kepada ahli-ahlinya. Begitu juga pandangan daripada Ahli Yang Berhormat ini berhubung dengan adanya dalam sebuah kampung satu Syarikat Kerjasama dan satu Persatuan Peladang patut dapat disatukan. Ini memanglah tujuannya apabila kita hendak mengadakan ataupun mengujudkan Lembaga Pertubuhan Peladang di dalam satu-satu kawasan itu, maka kita telah mengarahkan supaya satu Jawatankuasa Persediaan diadakan untuk menyiasat dan mengaturkan kawasan pengendalian masing-masing supaya mereka tidak bertanding di antara satu sama lain.

Satu lagi pandangan Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan pasaran borong di bandar besar. Ini memang di dalam langkah-langkah yang akan dijalankan oleh Lembaga ini dan kita akan berunding dengan pihak FAMA. Di dalam menjalankan masalah pemasaran yang serupa ini, Lembaga ini akan bekerjasama dengan pihak FAMA untuk mengaturkan pemasaran ini samada mendirikan pasar borong ataupun lain-lainnya kerana FAMA ada banyak lagi Pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman di dalam soal pemasaran ini. Sangat baik, kalau boleh, Lembaga ini akan dapat bersama-sama menanamkan modal bagi mengadakan pasar-pasar borong ataupun kalau FAMA sendiri sanggup mengadakan modal, maka kita tidak payah mengadakan pasar-pasar borong ini asal petani-petani mendapat pasaran yang baik dalam memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat agak bimbang sedikit kerana Ahli-ahli Syarikat Kerjasama ini banyak yang menjadi Ahli Bank Kerjasama, apa halnya. Di dalam hal ini, walaupun Ahli Syarikat Kerjasama ini menjadi Ahli Bank Kerjasama tidak ada salahnya menjadi Ahli Pertubuhan Peladang dan oleh kerana itu tidak payah bimbang apa-apa di dalam masaalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah memberi pandangan supaya pegawai-pegawai dapat menyesuaikan diri kepada petani-petani. Ini satu pandangan yang sangat baik. Saya sebagai Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang memberi pengakuan memanglah pegawai-pegawai di dalam Lembaga ini kebanyakannya datang daripada Pegawai-pegawai Pertanian dan juga Pegawai-pegawai Syarikat Kerjasama dan mereka ini telahpun biasa dan memang telah bercampur gaul dan biasa dapat menyesuaikan diri dengan petani-petani. Tidak adalah Pegawai-pegawai Tinggi yang tidak pernah bergaul dengan petani untuk berkhidmat di dalam Lembaga ini. Dan begitu juga masaalah subsidi supaya dapat diawasi pegawai-pegawai supaya dapat menjalankan kerja dan tugas dengan jujur. Ini memang di dalam mana juga Lembaga kita berkehendakkan pegawai-pegawai yang jujur, yang ikhlas dan sanggup bersusah-payah demi kepentingan petani-petani. Ini saya ucapkan terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat agak bimbang adanya kerisis, ini telahpun dijawab oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut. Saya mengucapkan terima kasih kepada beliau sebab Ahli Yang Berhormat itu adalah salah seorang daripada Ahli Lembaga Penasihat Lembaga Pertubuhan Peladang, beliau lebih faham di atas kedudukan ini. Pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat dari Besut berhubung dengan kekurangan pegawai, ini memanglah benar oleh kerana pegawai di dalam Lembaga ini tidak boleh kita ambil pegawai-pegawai yang tidak professional di dalam bidang pertanian dan juga di dalam bidang kerjasama. Kita hanya akan dapat mengambil pegawai-pegawai daripada kedua-dua badan ini sahaja, kerana kebanyakannya mereka akan diberi bertugas di dalam bidang pertanian dan juga di dalam Syarikat-syarikat Kerjasama. Oleh kerana itu, kita terpaksa sabar dan juga menggunakan pegawai-pegawai yang ada

yang kita dapati daripada pihak Jabatan Pertanian Negeri ataupun daripada Kementerian Pertanian dan juga daripada Jabatan Kerjasama untuk berkhidmat bersama-sama di dalam Lembaga ini. Saya harap dengan cara beransur-ansur kita akan dapat mengatur dan menyusun kerja-kerja untuk berkhidmat kepada seluruh petani-petani.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, memberi pandangan menyatakan adanya Kerajaan Negeri yang membunuh tanaman-tanaman sayur. Saya fikir masaalah ini tentulah penanam-penanam sayur itu duduk di tanah Kerajaan dengan secara haram. Adalah baik kalau sekiranya dapat kita berunding dengan Pegawai Daerah ataupun Pemungut Hasil Tanah di dalam kawasan itu sebelum kita membuat apa-apa tanaman dan kita membuat permohonan dengan secara halal, dan kalau perlu melalui kepada Pengurus Besar, Lembaga Pertubuhan Peladang supaya dapat diaturnya permohonan yang kita hendak buat untuk dijadikan tanaman sayur itu biar kita buat mengikut Undang-undang. Insya Allah, saya percaya Kerajaan Negeri Perak tidak akan berlaku demikian, kalau sekiranya kita mengikut Peraturan dan Undang-undang, sebab sebagai Ahli Lembaga Pertubuhan Peladang, saya sendiri tidak begitu suka kalau Ahli-ahli Lembaga ini cuba melanggar undang-undang yang kita luluskan di dalam Dewan Negeri, dan undang-undang yang diluluskan di dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu berkenaan dengan pandangan beliau untuk membuka tanah diberi kepada peladang-peladang. Ini memang dapat sokongan dan kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebagai satu contoh Lembaga ini telah memohon satu kawasan tanah di Negeri Johor sebanyak 5,000 ekar untuk ditanam Kelapa Sawit telahpun diberi dengan harga yang sangat murah yakni kawasan hutan yang sangat baik. Ini satu contoh dan saya percaya permohonan yang semacam itu juga telah dipohonkan kepada Kerajaan Negeri Perak dan saya percaya akan diluluskan barangkali tidak berapa lama lagi. Dengan kerana itu, saya berharap sangat Ahli-ahli Lembaga Pertubuhan Peladang dan Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dapat berhubung dengan rapat dengan semua Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kita dapat kerjasama yang baik daripada semua pihak untuk faedah petani-petani di dalam negara kita ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2—

7.12 mlm.

Datuk Haji Mustapha bin Abdul Jabar: Tuan Pengerusi, saya sukacita membentangkan pindaan kepada Akta Pertubuhan Peladang, 1973. Tujuan pindaan ini adalah hendak meminda seksyen 34 kepada Akta Pertubuhan Peladang bagi memansuhkan kesemuanya sekali seksyen 34 (C) iaitu memotong sebutan mengenai Perdana Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam penyusunan semula Jemaah Menteri baru-baru ini Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun dipindahkan daripada tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Ekonomi Desa. Pada kebiasaannya pemindahan satu-satu Jabatan ataupun satu-satu perkara itu daripada seorang Menteri kepada seorang Menteri yang lain tidak memerlukan kepada undang-undang di bawah kuasa masing-masing, oleh kerana takrif Menteri di dalam semua undang-undang adalah dimaksudkan kepada Menteri yang pada masa ini bertanggungjawab di atas satu-satu perkara yang berkaitan.

Penentuan berkenaan dengan perkara-perkara yang jatuh di bawah tanggungjawab tiap-tiap seorang Menteri adalah sebagaimana yang disenaraikan di dalam pemberitahuan *Warta Kerajaan* sebagaimana yang diterbitkan di bawah Akta Tugas-tugas Menteri, 1969. Oleh kerana Persatuan-persatuan Peladang dan Syarikat-syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian adalah dahulunya menjadi tanggungjawab Menteri Pertanian dan Perikanan dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar masing-masing, maka kuasa-kuasa Menteri-menteri itu di dalam Akta Pertubuhan

Peladang, 1967, Ordinan Syarikat Kerjasama 1948, Ordinan Syarikat Kerjasama (Sabah) 1958, dan Ordinan Syarikat Kerjasama (Sarawak) Bab 66 telah dipindahkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerusi seksyen 34 (C) Akta Pertubuhan Peladang, 1973, Akta 109 berikutan dengan penyusunan Jemaah Menteri itu, maka adalah perlu bagi dipindahkan kuasa-kuasa yang dipegang sekarang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengikut seksyen 34 (C) di dalam Akta 109 itu kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Ekonomi Desa. Ini memerlukan pemansuhan seksyen 34 (C) kesemuanya sekali.

Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya membentangkan pindaan kepada Rang Undang-undang di dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Pindaannya seperti yang telah diedarkan adalah seperti berikut:

Memasukan fasal baharu 3.	"Pindaan bagi seksyen 34. <i>Akta 109.</i>	3. Akta Pertubuhan Peladang, 1973 adalah dengan ini dipinda— (a) dengan menggantikan koma bertitik yang terdapat dalam seksyen 34 (b) dengan suatu noktah; dan (b) dengan memotong seksyen 34 (c)."
Insertion of new clause 3.	"Amendment of section 34. <i>Act 109.</i>	3. The Farmers' Organization Act, 1973 is hereby amended— (a) by substituting the semicolon appearing in section 34 (b) thereof with a fullstop; and (b) by deleting section 34 (c) thereof."

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Fasal 1 dan 2 seperti yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PARLIMEN (SARAAN AHLI) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.16 mlm.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin mencadangkan supaya Rang Undang-undang

yang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Parlimen (Saraan Ahli), 1960 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah hendak meminda Akta Parlimen (Saraan Ahli), 1960 supaya peruntukan dibuat bagi membolehkan suatu elaun bulanan tetap sebanyak \$400 dibayar kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara serta juga mengadakan peruntukan yang sewajarnya untuk membolehkan beliau dibayar elaun sewa rumah sebanyak tidak lebih daripada \$1,500 sebulan kiranya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara tidak diperuntukkan dengan sebuah tempat kediaman rasmi yang sesuai sama seperti mana yang diperbuat kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat lebih maklum pada masa ini Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara adalah dibayar satu elaun sahaja iaitu atas kadar \$50 sehari bagi tiap-tiap hari beliau bertugas lebih daripada satu jam sebagai Yang di-Pertua apabila Yang di-Pertua tidak hadir. Ketetapan membayar elaun \$50 ini telah dibuat pada tahun 1960 iaitu lebih kurang 13 tahun yang lampau. Semenjak tarikh itu tidak dapat dinafikan bahawa kerja-kerja dan tugas-tugas Dewan Negara telah bertambah jauh lebih berat daripada tugasnya pada tahun 1960. Di persidangan yang akhir dan beberapa persidangan yang kebelakangan Dewan Negara terpaksa melanjutkan masa persidangannya kadangkala sehingga pada jam 8.00 malam.

Selain daripada itu dicadangkan juga supaya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dibayar elaun sewa rumah tiap-tiap bulan tidak melebihi \$1,500 sebulan kiranya beliau tidak diperuntukkan dengan sebuah tempat kediaman rasmi yang sesuai. Cadangan ini adalah sama seperti mana yang diberikan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.19 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) yang telah

dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan. Saya cuma hendak menyentuh tiga perkara sahaja.

Pertama sekali pihak Kerajaan telah menghargai khidmat-khidmat Ahli-ahli Parlimen sebagaimana yang telah dicakapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, cuma saya minta perhatian berhubung dengan kemudahan perubatan Ahli-ahli Parlimen bila mana mereka telah bersara kelak. Ertinya kemudahan ini samalah sebagaimana masa mereka berkhidmat, sebab pernah kita tengok seseorang bekas Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri dan Dewan Rakyat bila mana mereka itu telah berhenti, maka hak kemudahan yang ada itu tidak diperolehi. Ini patut saya fikir ditimbangankan oleh Kerajaan.

Yang kedua, dalam masaalah hak persaraan hendaklah disamakan dengan Pegawai-pegawai Kerajaan bila mana beliau meninggal dunia persaraan itu diteruskan pembayaran kepada warisnya sehingga 12 tahun. Ini patut juga diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen, menurut hemat saya.

Yang ketiga, pesaraan Ahli-ahli Parlimen yang ada juga menjadi Ahli Dewan Negeri hak perkhidmatannya disatukan dan dikira pembayaran bonusnya dan pesaraannya mengikut mana elaun yang besar yakni menjadi Ahli Parlimen, maka pihak Kerajaan Persekutuan dengan mengira lama mereka berkhidmat menjadi Wakil Rakyat tidak dibataskan samada Negeri atau Persekutuan. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, seorang Ahli Parlimen telah berkhidmat dua peringkat di Dewan Negeri kemudian meneruskan khidmat satu atau dua peringkat sebagai Dewan Rakyat, maka diberikan hak pesaraan oleh Kerajaan Persekutuan dengan tidak dipotong servicenya kepada Kerajaan Negeri.

7.21 mlm.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan ini. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada satu perjalanan yang pernah berlaku dalam negara kita ini iaitu kita mengakui bahawa Dewan Negara adalah suatu Dewan yang paling tinggi kalau hendak dibandingkan dengan Dewan Rakyat—dia lebih tinggi daripada Dewan Rakyat. Tetapi saya nampak apakala Rang Undang-undang ini

dikemukakan pada hari ini, ertinya lewat lebih kurang 6 bulan daripada sesuatu Rang Undang-undang yang sudah diluluskan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Jadi, kalau Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sudah dapat memberi satu elaun seperti dipohonkan kepada Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini kira-kira 6 bulan yang lalu, tiba-tiba sekarang baharu kita kemukakan suatu Akta untuk Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, maka terasa kepada saya seolah-olah bahawa Ahli-ahli Dewan Rakyat kedudukannya lebih diberi keutamaan daripada Ahli-ahli Dewan Negara, sedangkan Dewan Negara itu letaknya lebih tinggi daripada Dewan Rakyat. Walaupun mereka tidak dipilih oleh rakyat, tetapi adalah mereka yang dilantik duduk di Dewan Negara ialah orang-orang yang difikirkan orang-orang yang berkecayaan. Soal kurangnya berkecayaan yang ada sekarang, itu soal lain, tetapi taraf dan mutu Dewan Negara itu patut dikawal supaya tidak cemar disebabkan sedikit kecuiaan di dalam melaksanakan tugasnya oleh pihak Kerajaan. Di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya merayu pada masa akan datang adalah lebih baik supaya segala keistimewaan itu diluluskan lebih dahulu kepada Dewan Negara, hak bahagian Dewan Negara kemudian baharulah dibuat untuk Dewan Rakyat. Sebab kita di Dewan Rakyat ini ialah orang yang mempunyai kuasa untuk meluluskan Undang-undang bagi peringkat pertama, kemudian diserahkan kepada Dewan Negara untuk menimbang-pula sesuatu dan bukanlah saya hendak katakan Dewan Negara itu sebagai rubber stamp, tetapi kalau keadaan seperti sekarang ini seolah-olah kita secara tidak langsung cuba menganak-tirikan sedikit kepada Dewan Negara yang kita mengakui bahawa dia lebih tinggi daripada kita.

7.24 m/m.

Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, there is no doubt that we are a small country, and I propose that this House should consider taking steps, if possible, to re-organise the Senate or to abolish it completely. In certain countries, Mr Speaker, Sir, some Parliamentarians have brought up the subject of abolition of their Senates. I am not saying that I am in favour of it or

that I am against it, but I would like the House to consider the possibility of either re-organising the Senate or of abolishing it if it is in the interest of the country.

Mr Speaker, Sir, in the first place, the Senate, I am afraid, is not representative of the people; the Senators are only appointed by the various State Assemblies. So, the House can consider making the Senate an elective body, just like the House of Representatives, so that they will be elected by the people directly—just like the United States Senate where the Senators are elected by the people—and if our Senators are elected by the people, then they will feel that they are more responsible to the people and they will also be more responsive to their grievances and so on and so forth and they can also represent the people in a better way.

Secondly, Mr Speaker, Sir, we are a small country and our economy is not a big one. If we abolish the Senate, for instance, we will save a lot of revenue for our country.

Thirdly, Mr Speaker, Sir, more often than not, the work of this House is duplicated in the Senate. More or less the same arguments are being brought forth in the Senate. So, if we want to do away with the duplication of work, then we may have to abolish the Senate.

But, of course, the difficulty of getting through such a Bill in the Senate is very great. But I suggest that if we want to abolish the Senate, then we will have to pension off the Senators for, say, a number of months or a year or two, so that they will be more prone to supporting such a Bill in abolishing their own seats.

In any case, Mr Speaker, Sir these are my views for the House to consider. I am not either in favour or against it. These are my views and it is for the House to consider them.

7.27 m/m.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja. Saya tidak hendak mengatakan mana Dewan yang besar samada Senatekah besar atau Dewan Rakyatkah besar kerana ini akan menyentuh perasaan

orang. Apa yang saya hendak bangkitkan hal Ahli Dewan Rakyat. Ahli Dewan Rakyat ini dahulu dapat elaun, sekarang sudah dipotong elaunnya iaitu yang duduk di Kuala Lumpur tidak dapat elaun langsung. Maka, mereka yang duduk di antara Kuala Lumpur/Kelang yang 20 batu jaraknya satu sen tidak dapat, pada hal sama-sama menghadiri mesyuarat. Kalau tidak dapat meeting allowance saya minta difikirkan, sebab saya duduk daripada pukul 2.30 sampai 7.30 malam saya tunggu juga, tetapi satu sen tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli yang jauh dapat hotel allowance dan lain-lain, tetapi kami yang duduk di Kaula Lumpur ataupun 20 batu daripada Kuala Lumpur tidak dapat apa-apa. Maka, Kerajaan mestilah menimbangkan di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.